

NADI insan

DISEMBER 1981
KDN 0088/81
ISSN 0126-9364
\$1.00

KECEMASAN, DOKTOR,
KAMI MEMERLUKAN ALAT
ITU SECEPAT MUNGKIN!

KELINIK



Bahaya Di Tempat Kerja

- Jepun Mempersenjatai Semula
- Mesir Selepas Sadat
- Sikap Terhadap Kuasa Ekonomi
- J/K Kira-Kira Wang Negara Tak Berkesan?



NADI Insan

Para pembaca diingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau sidang Redaksi majalah ini.

Penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)
 Peti Surat 26, Kajang, Selangor
 Redaksi : Dr Mohd. Nasir, Mohd. Daud, Dr. Jomo
 Pelukis : Jaseni, Lim.
 Pencetak : Champion Printers Sdn. Bhd.
 Pengedar : The New Straits Times Press (M) Bhd., Jln. Riong, K.L.

BILANGAN 32

DISEMBER 1981

wawancara	4	Ustaz Nakhai
nasional	9	Kemalangan di Tempat Kerja
	12	Penyakit-penyakit Akibat Pendedahan
	14	Bahaya di Kilang Getah
	16	Sistem Pengawasan Kewangan
	18	Sikap Malaysia Terhadap Britain
antarabangsa	20	Kuasa Jepun Dalam '80an
	22	Sadat: Pembela atau Pembelot?
	24	Wawancara. Masoud Rajavi
katun	27	Al-kisah Kapitalisme
cerpen	31	Perbicaraan
sudut sastera	34	Doa Selamat
filem	39	The Empire Strikes Back

Ustaz Nakhai, seorang pemimpin PAS, menganggap perjuangan Islam adalah menyeluruh dan mendalam. Bacalah pendapatnya bagaimana Islam boleh diterima oleh masyarakat majmuk.



Regim Khomeini sedang bertarung dengan gerila pihak Mojahidin. Bulan ini kita dapat meninjau pandangan ketua Mojahidin, Masoud Rajavi, dalam satu wawancara.

Manusia berkerja untuk menyara hidup. Tetapi kepada golongan pekerja, tempat berkerja merupai medan berperang. Tiap-tiap hari ada yang mati atau cedera. Bolehkah ini dielakkan?



Dalam separuh abad kebelakangan ini, Dunia Arab tidak pernah mengenal aman. Benarkah Sadat cuba meneroka jalan perdamaian yang adil? Ataupun beliau sedang berkompromi dengan musuh?

JIMATKAN WANG
NADI TERUS
INSAN KE RUMAH
ANDA

6 bulan 1 tahun

Harga langganan \$5.50 \$10.00
 Anda menjimatkan .50s \$2.00

BORANG LANGGANAN

Nama & Alamat _____

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:
 INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

DI Luar Negeri

	Mal Biasa	Mal Udara
Asia Tenggara —	MS16	MS24
Asia Selatan, - Asia Timur, Australia		
New Zealand —	MS16	MS28
Timur Tengah, Eropah —	MS16 (£ 4)	MS36 (£ 9)
Afrika, Amerika —	MS16 (US\$8)	MS44 (US\$22)

(Langganan Setahun)

Pena Penyunting

Setelah mengikuti pergolakan di dunia melalui *Nadi Insan* sepanjang tahun '81, para pembaca yang berminat pada hal ehwal semasa mungkin dapat tangkap beberapa perkembangan yang telah ada dan baru muncul. Bagaimana pula aliran-aliran ini akan berkembang dalam tahun '82 dapat diramalkan dengan kasar.

Yang utama sekali ialah pemerintahan Presiden Reagan di Amerika Syarikat. Beliau sedang melaksanakan satu dasar luar yang agresif bagi menonjolkan kekuatan Amerika kepada seluruh dunia, akan tetapi tindakannya yang melulu terhadap Libya, umpamanya, mendedahkan perangai "cowboy"-nya. Dalam keluaran ini, Amerika cuba membentuk satu lagi pakatan untuk menjaga kepentingannya di Asia Barat. Ia juga mendesak Jepun supaya membantu mengawal kepentingan-kepentingan di rantau Pasifik.

Pemerintahan Khomeini di Iran mendapat perhatian dunia Islam. Apakah sistem kerajaan ulama yang dianjurkan olehnya boleh mendapat sokongan rakyat untuk mengekalkan kuasanya? Pembunuhan dan

peperangan sedang berlaku akibat dari regim kuku besi. *Nadi Insan* menyiarkan wawancara dengan Masoud Rajavi yang pernah meramalkan kejatuhan kerajaan Khomeini pada tahun ini.

Perkembangan baru di negara ini ialah pentadbiran 2M. Soalnya ialah adakah ujudnya keazaman politik untuk membina sebuah kerajaan yang cekap dan jujur, ataupun hanya setakat memperkemaskan imej sahaja. Di dalam tersiar sebuah rencana mengenai penyelewengan dalam perbelanjaan awam yang berleluasa hingga kini. Juga terdapat satu rencana memuji sikap tegas kerajaan terhadap bekas penjajah kita, Britain. Mungkinkah ini tanda-tanda kita bukan lagi jadi Pak Turut kepada Barat?

Akhirnya, dengan semangat tahun baru, *Nadi Insan* sedang mengatur beberapa perubahan dalam pentadbiran untuk memperlicinkan urusan dan meninggikan mutunya, baik dari segi isi atau persembahan.

Selamat Tahun Baru kepada semua pembaca.

Pembakaran Buku Di Indonesia

Nasib yang menimpa novelis Indonesia, Pramoedya Ananta Teor, adalah merupakan satu kes di mana sejarah berulang semula. Pada tahun 1965, tidak lama sebelum Pramoedya dipenjarakan di Pulau Buru atas tuduhan menjadi penyokong komunis, khazanah buku dan dokumentasi yang dimilikinya telah dibakar oleh pihak berkuasa. Walaupun masa telah berlalu, tetapi kebencian pihak berkuasa Indonesia terhadap penulisan pengarang agung Indonesia ini tidak pernah kendur. Dua minggu lalu, atas arahan Jaksa Agung Ismail Saleh, 10,000 novel-novel terbaru Pramoedya, *Bumi Manusia* dan *Anak Semua Bangsa*, telah dibakar.

Sejak dibebaskan dua tahun lalu dari Pulau Buru, Pramoedya, yang sudah berumur 56 tahun, menghadapi berbagai-bagai ancaman dan tekanan. Sebagai bekas tapol (tahanan politik), beliau dikehendaki melapor kepada pihak polis pada tiap-tiap hari Isnin. Rumahnya masih diduduki oleh pihak tentera. Walaupun novel *Bumi Manusia* dan

Anak Semua Bangsa, yang dikarangnya semasa dalam tahanan di Buru, telah laris dijual di Indonesia pada awal tahun ini, tetapi kegembiranya tidak kekal kerana pihak pemerintah telah mengharamkan kedua-dua novel itu pada bulan Mei lepas.

Pembakaran novel-novelnya baru-baru ini adalah kemuncak kepada kempen yang berterusan terhadap karya-karya. Pembakaran itu telah dilakukan enam hari selepas pemenang Hadiah Nobel dalam bidang sastera — yang mana Pramoedya telah turut dicalunkan — diumumkan.

Menurut Menteri Penerangan Indonesia, tulisan Pramoedya menjadikan "semua tiori yang ada tidak sah dan membuat orang gelisah". Ia mengandungi sindiran yang "merbahaya", katanya lagi. Ali Murtao jelas merujuk kepada peranan Pancasila dalam menentang komunisme. Selepas peristiwa berdarah pada tahun 1965, Kerajaan Indonesia memang sentiasa mengawai hasil karya penulis yang

cenderung ke kiri. Tetapi buku seperti *Bumi Manusia* nampaknya tidak mengandungi ide-ide tersebut. Novel itu hanya mengisahkan permulaan kebangkitan semangat kebangsaan Indonesia menentang penjajahan Belanda di awal abad ini.

Apa yang menyedihkan dari peristiwa ini ialah ia lebih menonjolkan Pramoedya sebagai tokoh politik manakala apa yang dikehendakinya ialah ia tidak diganggu supaya dapat menumpukan usahanya kepada penulisan. Apabila ia mendapat tahu yang novel-novelnya dijual di Malaysia, dan sedang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan Perancis, ia memberitahu *Asiaweek* yang ia merasa gembira kerana karyanya dibaca orang. "Ini adalah penting kepada seorang penulis", katanya. Tetapi sekarang karya-karya Pramoedya tidak dapat dibaca lagi oleh rakyat di negerinya sendiri.

(Terjemahan dari majallah *Asiaweek* Keluaran 6 Nov. 1981)

AINI, Kg, Tabiar, Pendang, Kedah:

Kita berasa agak sedikit senang hati kerana ujudnya beberapa majallah yang bersifat bukan hiburan 24 jam seperti *Nadi Insan, Pembina, Sarina, Mastika*, dsbnya. Tetapi jika dibandingkan dengan majallah-majallah yang bersifat melali dan melalaikan masyarakat kita, bilangan ini tidaklah mencukupi.

NI bulan ini memaparkan 'Masyarakat berdisiplin'? Kebebasan kita terus merosot. Berapa ramaikah anak-anak muda kita yang gemar atau sedar akan hal ini? Bandingkan dengan bilangan mereka yang hidup berpoya-poya, berkeliaran di kaki-kaki lima kedai, di pawagam-pawagam dan di lain-lain tempat hiburan. Siapakah agaknya yang bersalah bila anak-anak muda kita jadi begini? Ibubapa atau pemerintah?

Kita sering bersungut bahawa masyarakat kita sedang dan akan menjadi *red indian* di negeri sendiri. Betapa tidaknya? Bunga-bunganya sudah lama kelihatan dan jika tidak diambil langkah-langkah yang positif serta konkrit, bukan setakat cakap-cakap saja, malanglah masyarakat kita. Kenapa agaknya jadi begini?

Pecahbelah dan perintah ialah

moto penjajah British. Malangnya moto ini terus dipakai walaupun sudah 25 tahun berpemerintahan sendiri. Masyarakat kita bukan sahaja dibiarkan tetapi digalakkan ber-seronok suka, berpesta, membazirkan masa, melali dan melalai, boleh kata 24 jam, melalui macam-macam cara. Radio, TV, akhbar-akhbar, majallah-majallah,

kononny pop-pop artis yang hanya tahu mendendang lagu-lagu asmara dan banyak lagi, semua mempunyai matalamat itu sahaja. Barangkali keuntungan wang diutamakan dari pembentukan peribadi. Inilah dasar penting kaum modal dan agennya.

Kita harap mereka—mereka yang menghabiskan begitu banyak wang yang menunaikan rukun kelima itu akan pulang menjadi contoh, tetapi malang juga sekali, lepas tiap-tiap musim, macam itu juga, malahan lagi teruk. Nampak betul-betul yang kita buat amal ibadah bukan secara insaf tetapi lebih secara seronok suka. Mengapa tidaknya? Baru tiga hari berpuasa sudah mula bersiap untuk raya dan dalam setahun sampai dua tiga kali raya. Hinggakan musabaqah pun di buat secara pesta. Berapa kerat dari kita yang

betul faham apa isi kitab Allah itu selepas hampir 25 tahun bermusabaqah dan membazir begitu banyak wang? Tidak payah tanya sampai 30 juzuk, cuba teliti surah yang kita diwajibkan baca sekurang kurang 17 kali satu

hari. Ayat penutupnya terang-terang menyuruh kita minta Allah tunjukkan jalan yang benar yang diradainya dan bukan jalan yang sesat atau tergelineir.

Kami sependapat dengan tulisan atau syor-syor B.A. Kedah dalam mukasurat 8, *Watan* keluaran 1 Sept. 81 dulu. Kami rasa pemerintah yang bertanggung jawab terus, samaada di dunia ataupun di akhirat,, jika masyarakat kita menjadi *red indian* atau penyanyi-penyanyi Pulau Hawaii. Kami rasa jika dalam masyarakat kita ada banyak rakyat seperti Kassim Ahmad, sasterawan, keritikus, nobelis dan Pengerusi Parti Sosialis, barangkali masyarakat kita tidak akan terjerumus ke dalam lembah neraka... *kemarau di lembah* kata Kassim (selalunya di lembah tidak pernah jadi kemarau, tetapi di sini bisa jadi).

Bila di Melaka singgahlah di

MOTEL TANJUNG KLING

Pantai Pengkalan Perigi
Tanjung Kling
Melaka.

Nombor Telefon:
06 - 80652

Wawancara dengan **USTAZ NAKHAI E**

NI: Bagaimana Ustaz mula berkecimpung dalam bidang politik pada awal pertengahan 70'an sebagai seorang aktivis Islam?

N: Sebenarnya sejak awal lagi iaitu 1965 saya sudah menjadi anggota PAS tetapi tidak giat cergas dalam politik. Ketika itu saya masih belajar. Kebanyakan kegiatan hanya sebagai pelajar walaupun dalam bidang Islam semasa di Kolej Islam. Kegiatan saya dalam politik secara cergas ialah sejak pilihanraya yang lalu. Saya fikir perlu ada suatu perjuangan politik Islam disamping perjuangan Islam formal yang tidak berpolitik. Ini untuk memperluaskan lagi perjuangan Islam ke seluruh penjuru masyarakat bagi kebaikan serta membentuk negara yang adil dengan berasaskan prinsip-prinsip Islam.

Golongan Muda

NI: Kemenangan Haji Yusof Rawa yang pernah pada pilihanraya 1969 mengalahkan Datuk Sri Dr. Mahathir dan mengalahkan Datuk Bakar Omar dalam pilihanraya PAS sendiri untuk jawatan Timbalan Presiden juga dianggap sebagai suatu kecenderungan yang mencerminkan betapa kuatnya aliran baru ini dalam PAS iaitu aliran golongan muda yang mungkin dipengaruhi oleh tafsiran Islam yang berbeda dari golongan tua. Aliran ini boleh dikatakan bertambah kuat dalam PAS. Bolehkah Ustaz mengulas perkara ini?

N: Pemahaman terhadap Islam terutama di zaman kebangkitan Islam sentiasa meningkat dari masa kesemasa. Ini suatu perkembangan yang mengalakkan dan peningkatan itu tentu membawa perubahan kepada anggota-anggota PAS dari segi pemikiran serta aliran politik mereka. Maka tak hairan kalau perwakilan PAS mempunyai pandangan-pandangan yang tertentu mengenai kepimpinan PAS demi kepentingan masa depan PAS itu sendiri, walaupun perubahan-perubahan itu dilakukan begitu berhati-hati sekali oleh perwakilan-perwakilan PAS dalam muktamar. Saya rasa bahawa



kekalahan Datuk Bakar Omar dan kemenangan Hj. Yusof Rawa ada kaitan dengan perkembangan-perkembangan ini. Ini memberi satu petanda kepada pemimpin-pemimpin PAS iaitu jika mereka hendak melibatkan diri dalam perjuangan Islam dalam masa akan datang dengan berkesan mereka mestilah meningkatkan diri mereka dari segi nilai-nilai keislaman serta pengetahuan dan pengalaman. Tinjauan terhadap perkembangan ini dari sudut adanya golongan tua dan golongan muda, tidaklah penting.

Imej PAS

NI: Tetapi tahun 60'an dan 70'an imej PAS dikalangan orang umum terutama sekali kepada bukan orang Islam ialah sebuah parti pelampau Melayu dimana keislamannya dianggap sebagai suatu sifat kemelayuan yang ekstrimis.

Faham nasionalisma Melayu yang sempit yang dianuti oleh pemimpin-pemimpin UMNO sekarang ditenggelamkan, untuk mengapungkan gelaran-gelaran baru terhadap PAS, sebagai fundamentalis, ekstremis dll.

Tetapi dilihat pemimpin-pemimpin muda dalam PAS sekarang memperjuangkan Islam yang berlainan dan cuba mengubah imej PAS yang berbeza dengan imej yang tersebut tadi. Bolehkah Ustaz mengulas tentang perubahan ini?

N: Sebenarnya pemikiran Islam pada masa yang lalu telah terkongkong oleh berbagai-bagai fahaman lain sama ada fahaman-fahaman tradisional atau yang datang daripada barat dan juga fahaman kebangsaan yang sempit. Keadaan ini menyebabkan Islam itu dipegang dan dianuti dengan cara-cara yang berlainan. Demikian pula cara ia diperjuangkan. Dalam keadaan ini, Islam bukan sahaja tidak difahami secara menyeluruh, tetapi juga, pengaruh-pengaruh fahaman lain, turut menonjol, didalam perjuangan tersebut.

Saya rasa keadaan masyarakat Islam di masa yang lalu dan kedudukan PAS sebagai sebuah parti yang terbuka, dimana ia menjadi wadah golongan nasionalis Melayu dan agama meneruskan perjuangan menentang putar-belit penjajah, menyebabkan ia diberi gambaran sebagai Parti Pelampau Melayu.

Pada masa sekarang, terdapat banyak perubahan dikalangan masyarakat Islam di negara kita. Kesan daripada kebangkitan Islam di seluruh dunia, dirasakan juga di negara kita. Keadaan ini menyebabkan perubahan sikap ahli-ahli PAS, terutama dikalangan jenerasi muda, yang lebih banyak peluang untuk terdedah kepada perkembangan tersebut. Hasil daripada kesan perkembangan ini, pemikiran Islam menghadapi proses pembebasan yang menggalakkan dan Islam makin jelas difahami sebagai suatu *force* yang penting untuk melahirkan pimpinan baru bagi manusia sejagat. Kerana itu, pandangan terhadap sesuatu masalah tidak lagi ditinjau menerusi skop kemelayuan yang sempit, tetapi menerusi skop keislaman yang luas.

Tetapi, walau apa pun perkembangan yang berlaku didalam gerakan Islam, musuh-musuh Islam, imperialist dan kunci-kunci mereka, terus menerus mencipta gelaran-gelaran jahat untuknya. Faham nasionalisma Melayu yang sempit yang dianuti oleh pemimpin-pemimpin UMNO sekarang ditenggelamkan, untuk mengapungkan gelaran-gelaran baru terhadap PAS, sebagai fundamentalis, extremist dll. Sudah tentu mereka tidak lagi menonjolkan gelaran pelampau Melayu kepada PAS, kerana fahaman itu sedang dianuti oleh pemimpin UMNO.

NI: Memandangkan bahawa masyarakat Malaysia ini suatu masyarakat majmuk. Apakah implikasi perjuangan Islam dalam masyarakat kita pada masa kini. Adakah Ustaz sebagai seorang pemimpin masyarakat memperjuangkan negara atau pemerintahan Islam atau pun memperjuangkan keadilan yang sesuai yang berdasarkan lunas-lunas Islam.

N: Masyarakat yang majmuk itu bukanlah suatu yang asing di dalam pembentukan masyarakat Islam dan Islam itu diasaskan didalam masyarakat majmuk seperti mana di masyarakat Madinah dimana terdapat orang-orang Yahudi, Arab dll. dan terdapat pula berbagai agama dan adat resam masing-masing. Sebenarnya



Menyediakan thesis

soal pembentukan negara Islam itu ertinya pengawasan nilai-nilai Islam didalam masyarakat itu. Nilai-nilai ini merupakan nilai-nilai Fitrah, Universal dan akan dapat diterima dengan baik oleh mana-mana golongan tanpa perlu memaksa orang-orang bukan Islam untuk menerima Islam sebagai kepercayaan metafisika. Tetapi dalam nilai-nilai sosial yang diasaskan kepada Islam dengan mementingkan keadilan sosial persamaan hak dan kebebasan, saya yakin ini dapat diterima oleh masyarakat bukan Islam dengan syarat masyarakat bukan Islam mestilah menolak segala bentuk salahfaham terhadap Islam yang dipropagandakan oleh musuh-musuh Islam dan kunci-kunci mereka.

Islam Kiri

NI: Pada peringkat Antarabangsa dan juga dalam negeri kita sendiri terdapat beberapa aliran Islam malah ada yang bercanggah. Ini jelas sekali terhadap perkembangan di Iran baru-baru ini. Apa pandangan Ustaz terhadap perkembangan seperti ini, terutama sekali terhadap apa yang disifatkan sebagai 'Islam Kiri' iaitu yang di perjuangkan oleh pihak 'mujahedeen' di Iran?

N: Pemikiran Islam sedang melalui proses pembebasan dari pengaruh-pengaruh yang asing daripadanya untuk kembali kepada asasnya yang sebenar iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Proses ini mestilah berjalan menerusi landasan dan kaedahnya yang ditentukan prinsip-prinsipnya oleh al-Quran dan al-Sunnah, jika ia mau mencapai kebebasan yang hakiki. Jika tidak, usaha-usaha pembebasan itu akan gagal dan pemikiran Islam yang bercampur adok dengan pemikiran-pemikiran tradisi dan reaksioner, akan terperangkap pula kepada belenggu pemikiran Marxisma dan aliran-aliran yang berkembang daripadanya. Akibatnya, gambaran yang didapati mengenai Islam tidak sebagaimana keadaannya.

Kemunculan golongan apa yang disifatkan sebagai Islam kiri, tidak lain daripada perkembangan yang tidak sihat ini. Pemikiran Islam tidak beraliran kiri atau kanan dan istilah ini tidak dikenali dalam ajaran Islam yang sebenar. Ia hanya lahir dalam percubaan-percubaan untuk mentafsirkan sejarah Islam menerusi kaedah-kaedah yang terdapat dalam dialectical materialisma. Di Mesir percubaan-percubaan ini dilakukan oleh orang-orang Marxis seperti Abdul Rahman al-Sharqauri, Kamal Rifaat dan lain-lain.

Di Iran, aliran ini didokong oleh gerakan Mujahidin-E-Khalq. Gerakan ini bukan sahaja mentafsirkan ajaran Islam dan sejarah Islam mengikut kaedah dialectical materialisma, tetapi mendokong perjuangan yang berasaskan kepada pentafsiran itu yang sebenarnya merupakan penyelewengan daripada Islam dan meletakkan pemikiran Islam dalam belenggu faham yang asing daripadanya.

Perjuangan pembebasan Islam, tidak berhasil menerusi usaha ini dan hanya bersua dengan maksud kata pepatah 'terlepas dari mulut harimau masuk ke mulut buaya.' Perjuangan Islam bukanlah mengalihkan kiblat negara Islam dari blok barat ke blok timur, tetapi ialah mengujudkan kekuatan ummah sehingga ia dapat tegak sebagai *ummatan* wasatan, ummah yang tegak seimbang dan adil bagi menyelamatkan manusia dan mengembalikan mereka ke jalan yang benar.

Islam dan Marxisma

NI: Masalahnya sekarang semua pihak yang terlibat mengaku bahawa perjuangkan mereka berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. Jadi bagaimana hendak

menyelesaikan masalah ini?

N: Setiap pemikiran yang diutarakan oleh mana-mana pihak sudah tentu dapat dikaji isi dan latarbelakangnya. Dengan berpandukan kaedah-kaedah Islam yang unik, kita dapat mengkaji ke arah mana matlamat pentafsiran sesuatu ajaran Islam itu. Umpamanya, kita dapat mengetahui ke arah mana tujuan yang hendak dibawa oleh Rajavi daripada pentafsirannya mengenai tauhid sebagai konsepsi yang bertujuan membentuk masyarakat tanpa kelas (*classless Society*). Pentafsirannya itu tidak berpijak didalam kenyataan sejarah Islam dan kaedah Islamiah, tetapi berasaskan pengaruh Marxisma yang kuat menguasai pemikirannya.

Bagaimana pun pendedahan-pendedahan dan penjelasan-penjelasan terhadap kekeliruan terhadap Islam, yang dibentuk secara sengaja atau tidak memerlukan jentera yang berkesan dan tenaga yang berwibawa, kerana gerakan peperangan fikiran terhadap Islam itu masih diteruskan secara tersusun dan rapi. Jentera seperti ini adalah penting kerana sepertimana kata Saidina Ali R.A. "Kebenaran tanpa diperjuangkan secara sistematik, dikalahkan oleh kepalsuan yang ditegakkan secara sistematik." Dalam keadaan ini juga masyarakat Islam memerlukan pengetahuan Islam gunaan (*Applied Islamic Knowledge*) bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapinya, dalam semua bidang, ekonomi, politik, kemasyarakatan dll.

Kerjasama dengan UMNO, DAP

NI: Baru-baru ini terdapat ura-ura bahawa PAS mungkin akan bergabung semula dengan BN. Apakah pandangan Ustaz terhadap kemungkinan ini?

N: Saya berpendapat bahawa keadaan sekarang ini jauh berbeza dengan keadaan yang mana membawa PAS bergabung dengan BN pada waktu yang lalu. Satu daripada tujuan PAS bergabung dengan BN ialah demi perpaduan umat Islam dan orang Melayu, tetapi ada di antara kalangan-kalangan Ahli PAS berpendapat bahawa walaupun pernyataan seperti itu adalah satu perkara yang penting tetapi mestilah diletakkan ke atas asas yang kukuh, bukan untuk kepentingan-kepentingan sementara semata-mata. Ia hendaklah merupakan suatu penyelesaian yang sebenarnya, jika perpaduan di antara UMNO dengan PAS sebagai satu jalan terdekat. Bagi Ahli-ahli PAS, asas yang dipercakapkan itu tidak lain tidak bukan ialah penerimaan Islam sebagai suatu sistem yang mutlak yang mesti dilaksanakan.


NI: Jika puak tertentu dalam PAS, katalah pucuk pimpinan yang ada sekarang, bertindak sendiri untuk bergabung semula dengan UMNO atau BN, apa pula tindakan oleh mereka yang tidak menyetujui asas pergabungan itu?

N: Pimpinan PAS tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya dan jika mereka bertindak sedemikian ia

mungkin akan membawa kepada perpecahan dalam PAS.

NI: Sebelum ura-ura di atas timbul ada juga ura-ura bahawa PAS akan bekerjasama dengan PSRM atau DAP menjelang pilihanraya akan datang. Bolehkah Ustaz mengulas tentang kemungkinan ini?

N: Apa yang dihebohkan itu sebenarnya tidak pernah dibincangkan oleh PAS. Di sini ada dua perkara penyatuan dan kerjasama. Soal penyatuan sudah tentu tidak timbul sama sekali sebab berlainan fahaman, tetapi tidak ada satu pergerakan yang tidak memikirkan soal kerjasama dengan mana-mana pihak untuk mencapai suatu tujuan jika terdapat kaedah-kaedah dan juga kebaikan yang tertentu yang dapat diterima nyata kepada perjuangan parti dan masyarakat keseluruhannya.



Berucap kepada pelajar-pelajar ITM

Kassim Ahmad

NI: Hasil-hasil tulisan Kassim Ahmad pemimpin PSRM baru-baru ini cuba menyampaikan hujah-hujah prinsip-prinsip sosialisma itu tidak bertentangan malah sesuai dengan Islam. Apa pendapat Ustaz?

N: Masalah sama ada prinsip-prinsip sosialism itu sesuai atau bertentangan dengan Islam mestilah dilihat secara keseluruhan dan dari berbagai-bagai aspek, dan mestilah menyentuh perkara-perkara yang penting. Jika terdapat

NADI INSAN, DISEMBER 1981

beberapa persamaan dari beberapa aspek, perlu dilihat apakah persamaan itu menyentuh aspek yang penting sehingga dikatakan kedua-duanya sesuai.

Misalnya, jika kita hendak menyimpulkan dua orang manusia sebagai sama, kita tidak boleh mengukur daripada persamaan bentuk tangannya atau jarinya, kita mestilah menentukan mukanya juga sama. Kita tidak boleh mengatakan kedua-duanya sesuai, sebelum kita menentukan sama ada aliran pemikirannya, dan akhlak serta cara hidupnya juga sesuai.

Demikianlah juga, kita tidak boleh tergesa-gesa mengatakan sosialism sesuai dengan Islam berdasarkan bahawa kedua-duanya bertujuan menegakkan keadilan sosial, sebelum dilihat sistemnya yang menyeluruh dan prinsip-prinsip bagi menegakkan keadilan tersebut.

Tulisan-tulisan Kassim mengenai perkara ini masih ditahap melihat sesuatu menerusi pandangan-pandangan yang terpencil dan terpisah dan tidak dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai apa yang dikatakan bahawa prinsip-prinsip sosialisma itu tidak bertentangan dengan Islam.

NI: Tetapi adakah beberapa persamaan yang jujur itu mencukupi sebagai asas untuk kerjasama politik?

N: Seperti yang saya katakan tadi, masalah kerjasama di antara gerakan-gerakan Islam dengan gerakan-gerakan lain tidak boleh difikirkan secara terburu, bahkan bergantung kepada kaedah dan kesan kerjasama itu terhadap cita-cita Islam dan perjuangan menegakkan keadilan dan kebenaran.

Kebangkitan Islam

NI: Pada pandangan Ustaz apa yang membawa kepada kesedaran/kebangkitan Islam (*Islamic Revival*) dan apa yang membawa kepada terbentuknya pergerakan Islam seperti ABIM dll?

N: Perjuangan menegakkan kebenaran Islam itu adalah perjuangan yang berterusan dari zaman Rasulullah SAW dan tidak putus-putus, meskipun ia menghadapi zaman-zaman kegemilangan dan kemerosotannya. Apa yang dikatakan kebangkitan Islam itu sebenarnya, suatu proses didalam perjuangan tersebut yang berlaku di zaman ini, di mana keinginan dan kesedaran untuk kembali semula kepada Islam menjadi kenyataan yang sungguh menggalakkan, setelah sekian lama masyarakat Islam ditindas dan dibelenggu oleh sistem bukan Islam yang ternyata gagal membawa kesejahteraan kepada manusia.

Kesedaran inilah yang menjadi dorongan utama bagi kebangkitan Islam dan kebangkitan Islam itu mempunyai sifat-sifat tersendiri yang tidak sama dengan sifat-sifat kebangkitan Eropah di zaman silam. Sifat-sifat kebangkitan itu juga bukan dapat dilihat dari kemunculan pertubuhan-pertubuhan dakwah semata-mata, kerana di antara pertubuhan-pertubuhan dakwah itu, ada

yang ditaja oleh kalangan-kalangan yang tidak senang dengan kebangkitan Islam itu sendiri, sebagai satu cara menghalang perkembangan fahaman dan sikap tegas Islam menentang kepalsuan dan kezaliman.

Setengah-setengah Kerajaan di dunia Islam terlibat dengan cara ini didalam usaha menghalang kebangkitan Islam ini, setelah mereka merasai kebangkitan Islam itu mengancam kedudukan mereka dan mendedahkan penyelewengan dan penipuan yang dilakukan oleh mereka terhadap ummat Islam.

ABIM ialah salah satu pertubuhan dakwah di negara kita yang mencerminkan sifat-sifat kebangkitan Islam itu, dilihat dari segi tasawwuf (*kefahaman*) terhadap Islam dan peranannya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. ABIM mempunyai mesej yang jelas dan diakui mendokong cita-cita gerakan yang selaras dengan cita-cita gerakan Islam antarabangsa.

Peristiwa Baling

NI: Bulan Disember ini adalah ulangtahun ketujuh demonstrasi petani di Baling. Sebagai Wakil Rakyat mereka, bolehkah Ustaz memberi analisa mengenai peristiwa itu?

N: Kawasan Baling ialah satu-satu kawasan yang paling mundur di Kedah dan Kedah adalah satu-satu negeri yang mundur di Malaysia. Walaupun kita sudah hampir 25 tahun merdeka, mereka tidak menikmati apa-apa perubahan yang sepatutnya berlaku. Pihak kerajaan pula menjangka bahawa rakyat Baling tidak akan

bertindak jika langkah-langkah yang sepatutnya tidak diadakan. Tetapi dalam sejarah Baling, kesedaran politik penduduknya telah bermula dari awal-awal lagi, dari masa perkembangan UMNO dulu. Perasaan tidak puas hati timbul apabila perubahan tidak berlaku, dan apabila satu keadaan tertentu berlaku, mereka pun bertindak.

Saya menafikan sama-sekali bahawa kegiatan itu adalah hasutan dari anasir-anasir komunis, sabversif dsb. istilah-istilah yang biasanya digemakan oleh pemerintah. Peristiwa itu adalah cetusan dari tekanan yang mereka alami.

NI: Apa pendapat Ustaz tentang Akta Keselamatan Dalam Negeri?

N: Akta ini adalah nyata bertentangan dengan prinsip-prinsip keadilan. Ia telah disalahgunakan oleh pemerintah hingga sekarang. Walaupun pentingnya kita menjaga keselamatan, tetapi tidak mestinya kita mengorbankan keadilan. Mengorbankan keadilan untuk menjaga keselamatan adalah satu hujah yang tidak dapat diterima, kerana keselamatan dan kesejahteraan adalah hasil dari keadilan.

Alasan kerajaan, jika orang tahanan didakwa di mahkamah, polis tidak dapat memberi bukti-bukti yang memuaskan. Tetapi ini tidak patut dijadikan satu alasan untuk mewujudkan undang-undang yang zalim seperti AKDN. Jika perjalanan Mahkamah menghalang kerajaan membuktikan kesalahan orang yang disyaki, penyelesaiannya bukan dengan cara itu, tetapi ialah dengan merobah sistem perundangan supaya bukti-bukti kesalahan seseorang dapat dibuktikan di Mahkamah.

PRAMOEDYA ANANTA TOER: Bakal Pemenang Hadiah Nobel



BUMI MANUSIA

Novel Yang Dikarang Dalam Tahanan Di Pulau Buru

Edisi Malaysia 'BUMI MANUSIA' terbitan WIRA KARYA mengandungi penjelasan istilah Bahasa Indonesia.

"Dahulu saya tidak berpendapat bahawa karya-karya lama Pramoedya, walaupun mengagumkan, memberikan hak kepadanya untuk menerima Hadiah Nobel. Tetapi, kalau dia dapat mempertahankan mutu Bumi Manusia dalam jilid-jilid selanjutnya, saya kira pencapaiannya memang layak dan harus dipertimbangkan secara serius."

Prof. Dr. A. Teeuw, Universiti Leiden

"Saya sendiri sudah baca seluruh buku ini, isinya baik sekali. BUMI MANUSIA layak menjadi bacaan wajib di sekolah-sekolah dan universiti."

Tun Adam Malik, Naib Presiden Indonesia

BORANG PESANAN

Harga Bumi Manusia

(380 halaman):

1-4 naskah: \$12 senaskah

5 + naskah: \$10 senaskah

Tel: (06) 20028

Sila hantarkan _____ naskah BUMI MANUSIA kepada:

Nama: _____

Alamat: _____

Bersama borang ini, saya sertakan cek/kiriman pos/kiriman wang sebanyak _____
(Kembalikan borang ini kepada: WIRA KARYA, 576A Jln. Tengkeru, Melaka)

KEMALANGAN DI TEMPAT KERJA SEMAKIN BERTAMBAH

Pada 18 hb Oktober lalu, mesin radioaktif kilang elektronik Harris Semiconductor Sdn. Bhd. di Kawasan perdagangan bebas Ulu Kelang telah meletup dan mengakibatkan empat pekerjanya tercedera. Seorang dari mereka mengalami kecederaan yang agak serius dan telah dihantar ke hospital dalam keadaan separuh-sedar. Pekerja yang terlibat itu juga merasa cemas kerana ada kemungkinan mereka telah terdedah kepada beban radioaktif yang merbahaya itu.

Pada bulan Februari tahun ini juga, seorang budak berumur 15 tahun, yang bekerja sebagai pembungkus barang telah dilaporkan mati akibat tersepit dalam sebuah mesin di sebuah kilang membuat bedak di Bangsar, K.L. Empat bulan kemudian, tuan punya kilang itu telah didenda sebanyak \$2,850 atas lima kesalahan yang dilakukannya. Selain dari kesalahan-kesalahan yang menyebabkan kematian budak itu, pengurus itu juga didapati bersalah kerana gagal melaporkan kemalangan tersebut kepada pihak yang berkuasa!

Kiri-kiri sebulan kemudian, empat orang pekerja Telekom telah dilaporkan mati dalam sebuah lubang akibat tersedut gas beracun semasa mereka sedang menjalan kerja membaiki dekat Kawasan Batu Caves. Pada hari yang sama seorang pekerja LLN telah juga menemui ajalnya apabila terjatuh dari tiang lampu semasa beliau sedang membaiki kawat letrik di situ.

Angka Resmi

Peristiwa-peristiwa di atas adalah

NADI INSAN, DISEMBER 1981

di antara beberapa kejadian kemalangan perindustrian yang telah dilaporkan oleh akhbar-akhbar tempatan. Mungkin ada di kalangan kita yang menyangkakan bahawa peristiwa-peristiwa itu merupakan kejadian malang yang hanya kadang kala saja berlaku keatas para pekerja di negeri ini.

Letapi, angka-angka tentang kemalangan perindustrian di Semenanjung Malaysia akan memeranjatkan ramai di antara kita. Pada tahun 1975 sejumlah 53,319 kemalangan telah didaftarkan, termasuk 442 kematian dan 1,104 kecederaan yang tidak dapat dipulihkan.

Ini bermakna bahawa tiap-tiap hari lebih kurang 140 kemalangan berlaku akibat perindustrian. Pada tahun 1979, jumlah kemalangan perindustrian telah meningkat menjadi 60,725 (termasuk 579 kematian dan 1862 kecederaan yang tidak dipulihkan) — atau kira-kira 166 kemalangan pada setiap hari!

Maka tidaklah hairan mengapa setengah orang mengibaratkan pergi kerja itu sebagai pergi berperang — medan peperangan adalah tempat kerja dan orang yang mati atau cedera ialah pekerja-pekerja am yang membanting tulang mencari makan.

Harus dinyatakan di sini bahawa angka-angka kemalangan yang disebut di atas telah didapati daripada laporan kerajaan — laporan SOCSO (Pertubuhan Perlindungan Sosial) dan Buku Statistik Buruh dari Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Akan tetapi, angka-angka ini mungkin tidak lengkap. Banyak kemalangan tidak dilaporkan

(seperti kes kematian budak pekerja yang disebut di atas).

Kadang kala pihak majikan akan memberikan kepada pekerja yang terlibat sedikit wang dan menasihatnya supaya jangan melaporkan sesuatu kemalangan. Kadang-kala pula, si pekerja yang terlibat tidak sedar akan hak-haknya dan oleh itu ia tidak melaporkan kemalangan itu sebab takut dibuang kerja.

Jenis Kemalangan

Laporan Kerajaan yang disebut di atas memberi juga maklumat tentang jenis kemalangan yang dialami oleh para pekerja di negeri ini. Jadual 1 di bawah menunjukkan jenis-jenis utama kemalangan perindustrian di Semenanjung Malaysia pada tahun 1979. Seperti yang ditunjukkan oleh jadual itu, "terpijak, terhantuk atau terhempap barang" adalah punca paling utama berlakunya kemalangan dan telah mengakibatkan 24,712 kemalangan (kira-kira 40.6% dari jumlah).

Jenis kemalangan ini juga telah meragut paling banyak nyawa pekerja. Pada tahun 1979, daripada 182 kes kematian akibat kemalangan perindustrian yang dilaporkan kepada SOCSO 85 kes (kira-kira 47%) adalah disebabkan. Jenis kemalangan kedua paling banyak ialah tersepit — di antara alat-alat seperti mesin, manakala terkena barang yang jatuh merupakan jenis kemalangan ketiga paling besar. Ketiga-tiga jenis kemalangan ini merangkumi hampir 2/3 dari jumlah kemalangan pada tahun 1979.


Dengan melihat maklumat

**JADUAL 1: JENIS/PUNCA KEMALANGAN
PERINDUSTRIAN, SEMENANJUNG
1979**

	<u>Jenis/Punca</u>	<u>Bilangan</u>
1.	Terpijak, terhantuk atau dihempap alat-alat	24,712
2.	Tersepit di antara alat-alat	7,203
3.	Terkena barang/alat yang jatuh	7,172
4.	Orang terjatuh	6,921
5.	Terlebih bekerja dan gerakan yang terlalu memematkan	5,329
6..	Terdedah atau terkena benda/bahan beracun	3,207
7.	Terdedah atau mengalami keadaan cuaca yang teruk	1,802
8.	Terkena atau terdedah kepada elektrik	225
9.	Lain-lain kemalangan	4,124
	Jumlah	60,725

mengenai jenis/punca kemalangan, kita akan dapat sedikit gambaran tentang jenis industri di mana kemalangan. Kemalangan itu sering berlaku.. Tetapi dengan merujuk kepada rajah 1, kita akan dapat maklumat yang lebih tepat tentang jumlah kemalangan mengikut sektor

pada tahun 1978 dan 1979. Dari rajah ini, kita dapati bahawa kemalangan perindustrian paling banyak sekali berlaku dalam sektor pembuatan. Dalam sektor ini juga, terdapat paling banyak kes kemalangan akibat kemalangan perindustrian. Pada tahun 1979, 106 kes kematian



— kira-kira 18% daripada jumlah kematian — telah dilaporkan berlaku dalam sektor ini. Pada tahun yang sama, 979 kes kecederaan yang tidak dapat dipulihkan — kira-kira 53% daripada jumlah — juga telah dilaporkan terjadi dalam sektor ini.

Jumlah kemalangan perindustrian yang kedua banyaknya berlaku dalam sektor estet. Pada tahun 1979, sebanyak 52 kes kematian dan 325 kes kecederaan yang tidak dapat dipulihkan telah dilaporkan berlaku dalam sektor ini.

Sebab Kemalangan


Kenapakah kemalangan di tempat kerja semakin bertambah di negeri kita? Secara ringkasnya, bolehlah dikatakan bahawa ianya adalah akibat dari sistem kerja yang tidak selamat — iaitu sistem pekerjaan yang belum lagi dapat menjamin di peringkat kebangsaan (seperti melalui undang-undang yang lebih ketat) dan di peringkat kilang keadaan kerja yang selamat dan bersih kepada para pekerja.

Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kemalangan di tempat kerja boleh dibahagikan kepada empat kumpulan seperti ditunjukkan oleh rajah 2 : Faktor-faktor inilah yang sering menyebabkan kemalangan menimpa para pekerja tempat kerja mereka.


Negeri kita akan terus melangkah maju ke arah perindustrian. Dari setahun ke setahun, semakin ramai tenaga kerja akan diserap ke dalam sektor perindustrian. Memandangkan hakikat bahawa jumlah kemalangan perindustrian semakin bertambah, maka adalah penting bagi pihak kerajaan dan pihak-pihak lain yang berkenaan memberi perhatian berat kepada kesan perindustrian ke atas keselamatan tenaga kerja di negeri ini. Langkah-langkah haruslah diambil supaya keadaan keselamatan para pekerja di kilang-kilang dan di ladang-ladang adalah lebih terjamin

RAJAH 1: KEMALANGAN PERINDUSTRIAN MENGIKUT SEKTOR

1978 - 1979



RAJAH 2: SEBAB-SEBAB KEMALANGAN PERINDUSTRIAN



PENYAKIT-PENYAKIT AKIBAT

PENDEDAHAN

Robert Tan

Sementara angka-angka resmi tentang kemalangan perindustrian mungkin tidak lengkap, angka-angka tentang jumlah pekerja yang jatuh sakit akibat pendedahan kepada berbagai jenis bahaya — seperti bahan-bahan kimia yang merbahaya, keadaan yang terlalu bising, dsb. — di tempat kerja langsung tidak ada di negeri ini. Walaupun menurut undang-undang, penyakit-penyakit seperti ini harus juga dilaporkan, tetapi ini selalunya tidak berlaku.

Salah satu sebab kenapa keadaan ini berlaku ialah kerana penyakit-penyakit itu tidak cepat terjadi. Kebanyakannya mengambil masa yang lama sebelum benar-benar mengancamnyanwa. Sebagai contoh, mungkin 20 tahun selepas seorang pekerja terdedah kepada asbests, barulah ia menghadapi penyakit barah paru-paru. Akan tetapi, selepas ia menghadapi penyakit itu, dia tidak dapat disembuhkan lagi.

Oleh kerana penyakit-penyakit itu mengambil masa yang lama untuk menjadi, maka para pekerja mungkin tidak sedar atau tahu yang ia telah dihidang pengakit. Maka ia tidak akan membuat laporan.

Namun demikian, ada beberapa faktor yang akan menyebabkan bahaya-bahaya pekerjaan di sebuah

negeri kurang membangun seperti Malaysia sama kadarnya, bahkan mungkin lebih, dengan sebuah negeri maju seperti Amerika Syarikat. Antara faktor-faktor tersebut termasuk:

- a) Pekerja-pekerja kita biasanya dari kalangan bawahan yang tidak dapat makan makanan yang sempurna. Oleh sebab itu, mereka lebih senang menghadapi pelbagai penyakit, termasuk penyakit-penyakit yang diakibatkan oleh terdedahnya mereka kepada berbagai bahaya di tempat kerja.
- b) Ketiadaan kesatuan sekerja dalam industri-industri tertentu bermakna bahawa tiada badan yang dapat membela hak-hak pekerja.
- c) Kekurangan kesedaran di kalangan pihak yang berkuasa dan tindakan terhadap pencemaran dan bahaya di tempat kerja mengakibatkan pekerja yang menderita.
- d) Kekurangan pegawai-pegawai dan perkhidmatan kesihatan cara kerja bermakna bahawa masalah kesihatan cara kerja tidak dapat di kaji secara mendalam.

Bahaya Psikologi

Bahaya-bahaya di tempat kerja boleh dibahagikan kepada empat jenis. Pertamanya ialah bahaya psikologi (jiwa). Kebanyakan orang

mengalami tekanan pada masa bekerja dan tekanan ini mempunyai kesan buruk ke atas kesihatan seseorang. Malangnya masalah tekanan yang mengakibatkan barah (*ulcer*) dan sakit jantung selalunya di kaitkan dengan pegawai eksekutif dan bukan pekerja am. Apa yang kita tidak sedar ialah pekerja biasa juga mengalami tekanan yang teruk.

Tekanan di tempat kerja boleh disebabkan oleh bunyi yang kuat. Di samping itu, cara kerja cepat untuk kerja yang dilakukan secara berulang-ulang boleh juga menyebabkan ketegangan, perasaan takut, letih, dan histeria. Selain dari tekanan emosi, kerja yang berulang-ulang boleh mengakibatkan sendi tangan bengkok dan sakit.


Waktu kerja yang panjang dan pada masa malam oleh kerana terpaksa buat kerja lebih-masa (*overtime*) atau kerja *shift* akan mengurangkan masa untuk pekerja berehat dengan keluarga dan kawan-kawan. Keadaan ini juga boleh menjadikan pekerja marasa tertekan.

Bahaya Fizikal

Bahaya kedua yang dihadapi oleh para pekerja ialah bahaya fizikal. Salah satu bahaya fizikal ialah bunyi. Ramai orang tidak sedar tentang bahayanya bunyi, walaupun bunyi boleh mengakibatkan kepekakan dan tekanan jiwa.

Satu lagi bahaya fizikal ialah getaran. Ia boleh melukai seluruh badan dan bahagian tubuh yang dekat dengan getaran. Misalnya, jari pekerja akan menjadi tidak boleh merasa lagi dan kemudiannya sakit. Suasana tempat kerja yang terlalu panas boleh mengakibatkan pekerja jatuh pengsan.

Radiasi merupakan satu lagi bahaya yang dihadapi oleh pekerja kilang. Walaupun terdapat banyak



perdebatan mengenai kesan buruknya, tetapi setengah hakikat memang tidak boleh disangkal lagi. Satu darinya ialah radiasi boleh menyebabkan kanser dan kerosakan genetik (baka). Bahaya ini boleh berlaku ke atas seseorang yang terdedah kepada radiasi walaupun sedikit saja.

Itu sebabnya ramai pihak merasa bimbang tentang kesihatan para pekerja yang tercedera di kilang Harris Semiconductor Malaysia apabila mesin radioaktif di kilang itu meletup. Mereka khuatir yang pekerja-pekerja itu telah terdedah kepada radiasi dan ini mungkin akan menanggung kesan buruk dari radiasi.


Selain dari itu, pendedahan kepada cahaya ultraviolet, misalnya, dari *ave-welding* boleh merosakkan mata.

Bahaya Kimia

Bahan-bahan kimia boleh merosakkan kesihatan atau membahayakan nyawa kerana ia senang terbakar atau meletup. Bahayanya adalah terhadap semua pekerja. Sekarang ini, ada sekurang-kurangnya setengah juta bahan kimia yang digunakan atau diperbuat oleh industri-industri moden. Bahan-bahan ini terdapat di mana-mana tempat.

Bukan semua bahan kimia perlukan kebakaran sebelum boleh mengancam nyawa. Ada juga bahan kimia yang tidak cepat merbahaya. Malah, kebanyakannya tidak mengancam nyawa sehingga berpuluh tahun kemudian.

Misalnya, jika terdedah kepada asbestos. Bahan ini terdapat di banyak industri di Malaysia seperti kilang asbestos, stesyen elektrik, pelabuhan, kilang besi waja, kilang membuat linoleum, cat getah, plastik, gam dan bumbong rumah, industri kereta pemasangan dan bengkel kereta, kilang pembuat bahan-bahan pembinaan dan pekerjaan membina bangunan



Di sini selamat...
Tidak ada gangguan asappun

Ada juga bahan kimia lain yang mengakibatkan sakit yang tidak teruk tetapi selepas beberapa tahun mengancam nyawa juga. Satu dari bahan ini ialah timah hitam (*lead*). Gejala keracunan timah hitam pada mulanya hanyalah sakit perut, pening kepala atau perasaan muntah. Tetapi, selepas beberapa tahun, ia boleh mengakibatkan kerosakan otot atau kematian.

Bahaya kimia selalunya dalam bentuk gas, debu, cairan dan pepejal. Cara bahau ini masuk ke dalam tubuh ialah bila seorang itu bernafas atau bila ia minum dan makan. Oleh sebab itu, sangatlah penting bagi pekerja-pekerja dinasihatkan supaya jangan makan dekat tempat kerja dan juga mencuci tangan dengan teliti sebelum makan.

Ada juga bahan-bahan yang memasuki tubuh badan dengan menyerap melalui kulit, kadang-kadang bahaya di tempat kerja di bawa balik ke rumah sebab pakaian pekerja mungkin ada bahan kimia. Ini bermakna bahawa keluarga pekerja itu juga akan terancam.

Bahaya Biologi

Jenis bahaya kecmpt ialah bahaya biologi. Bahan-bahan seperti bakteria, virus (kuman) dan fungi sangat merbahaya sebab mereka adalah agen pembawa penyakit. Pekerja-pekerja seperti juruteknik

makmal atau hospital yang bekerja dengan sampel darah, urin atau najis akan terdedah kepada bahaya biologi ini.

Kita dapati bahawa ada pelbagai jenis bahaya di tempat kerja yang boleh membawa berbagai jenis penyakit kepada pekerja. Oleh itu, adalah amat penting dan perlu bagi para pekerja mengelakkan diri mereka dari terdedah kepada bahaya-bahaya ini. Harus ditekankan lagi bahawa sekiranya pekerja menghidap penyakit-penyakit itu, dia tidak akan dapat disembuhkan.

Dalam hal ini, pihak kerajaan haruslah memainkan peranan yang lebih besar dan lebih berkesan. Kesihatan pekerja haruslah diberi keutamaan daripada keuntungan. Pihak majikan tidak akan bersikap demikian secara sukarela. Oleh itu, pihak kerajaan harus mengawal keadaan kerja di kilang-kilang dengan mengenakan satu peraturan kesihatan dan keselamatan yang harus dipatuhi oleh pihak majikan.

Apa yang berlaku di kilang elektronik yang mesin radioaktifnya meletup — di mana, menurut berita akhbar, mesin radioaktif itu telah digunakan tanpa pengetahuan pihak berkuasa — tidak harus dibenarkan berlaku lagi. Di samping itu, pihak kerajaan harus juga menggantikan konsep gantirugi selepas kemalangan atau jatuh sakit dengan tekanan terhadap pencegahan kemalangan atau penyakit sebelum berlaku.

BAHAYA

DI KILANG BARANG GETAH

Juriah Yahaya

Getah memainkan peranan yang penting dalam ekonomi kita. Kita memakai selipar getah dan pergi bekerja dengan basikal, bas, motosikal dan kereta yang kesemuanya memakai tayar dibuat dari getah. Kita menggunakan tiub getah untuk mendapatkan air dari paip. Getah-getah gelang kita gunakan untuk mengikat bungkusan-bungkusan. Setengah dari kita mungkin tidur di atas tilam getah atau duduk di atas kusyen yang berisi getah.

Berbagai-bagai jenis barang getah sekarang dibuat di Malaysia. Negara kita masih merupakan pengeluar getah yang terbesar. Malangnya, ramai dari kita yang tidak tahu tentang proses-proses yang terlibat dalam pembuatan barang-barang getah dan bahaya-bahaya yang dihadapi oleh para pekerja yang menghasilkan barang-barang getah yang kita gunakan itu.

Pada asasnya, proses pengeluaran dalam pembuatan barang-barang getah boleh dibahagi kepada empat bahagian dan dalam tiap-tiap bahagian ini para pekerja terdedah kepada berbagai bahaya.

Kecederaan Anggota Badan

Proses pertama ialah pengurangan di mana getah-getah mentah dipotong-potong dan kepingan-

kepingan kecil itu di hancurkan dalam mesin pembancuh yang besar. Mesin tersebut mengandungi dua *roller* besiwaja yang terbaring melintang sebelah menyebelah. *Roller* tersebut berputar ke arah sama lain dengan kelajuan yang berbeza. Pekerja-pekerja dalam ini menghadapi bahaya kecederaan pada tangan atau jari-jari mereka yang mungkin termasuk ke dalam mesin tersebut.

Langkah seterusnya ialah mencampurkan getah yang telah hancur lumat itu dengan bahan-bahan lain dalam ruang besi waja yang dipanggil *Pembancuh Banbury*. Bahan-bahan itu termasuklah benzene (pelarut untuk getah), karbon hitam (zarah-zarah halus) dan karbon disulphide (mudah terbakar, iaitu larutan tidak

Bahaya Bahan Kimia

Benzene boleh diserap melalui kulit, mata dan melalui pernafasan. Ia bertindak ke atas sistem saraf, dan boleh menyebabkan seseorang itu jadi tak sedar, lumpuh, nazak dan mati. Pendedahan setiap hari dalam jangka waktu yang berpanjangan boleh mengakibatkan kemusnahan kepada darah dan organ-organ pembina darah, menyebabkan anemia dan pembekuan darah yang tidak normal. Benzene sangat bahaya. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah pun menyeru supaya benzene digantikan dengan pelarut-pelarut yang lain.

Karbon hitam pula boleh termasuk dalam paru-paru melalui pernafasan. Zarah-zarahnya yang halus akan tinggal di dalam paru-paru, dan boleh menyebabkan sakit paru-paru hitam. pekerja yang mengidap penyakit ini mendapati sukar untuk bernafas.

Karbon disulphide juga adalah sejenis racun terhadap sistem saraf. Jika seseorang pekerja terlalu banyak, terdedah kepadanya, dengan tiba-tiba mukanya akan menjadi merah dan dia akan menjadi tidak tenang (resah). Pendedahan yang berlarutan kepada karbon disulphide boleh menyebabkan pekerja-pekerja itu tidak boleh tidur, hilang selera makan dan mengalami masalah penghadaman, kelesuan, pening dan perasaan yang tertekan.

Bahan-bahan yang telah becampur itu kemudiannya dilalukan antara *roller-roller calender* supaya getah-getah itu dijadikan dalam bentuk kepingan. Berikut ini adalah satu kes kemalangan yang benar-benar berlaku dalam bahagian *calendering* dalam sebuah kilang:

Seorang operater calender perempuan berdiri di belakang mesin itu untuk menerima kepingan getah yang telah dimasukkan ke dalam mesin calender untuk dibuat corak. Malangnya, kepingan getah itu tersangkut di roller sebelah atas.

Pekerja perempuan itu menggunakan tangan kirinya untuk

menekan kepingan getah itu ke bawah (ke roller sebelah bawah), tetapi tangannya tersepit ke dalam kedua roller itu, lalu hancur. Kepingan getah itu tadi tersangkut di roller kerana mesin tersebut telah lama.

Dalam proses terakhir, getah akan ditukar dari keadaan plastik menjadi keadaan elastik. Ini dapat dilakukan dengan memanaskan getah bersama belerang. Bahan kimia yang banyak digunakan di sini ialah amonia (sejenis gas yang tidak berwarna, atau larutan berair dengan baunya yang mencekikkan) dan asid sulfik (sejenis asid yang kuat dan tidak berwarna).

Jika seseorang pekerja menyedut terlalu banyak amonia, dia akan mengalami sakit di tengkorok sukar bernafas dan mula batuk. Jika cecair amonia terkena mata atau kulit, amonia boleh melecurkan dan boleh menyebabkan mata dan kulit menjadi merah dan membengkak. Pendedahan yang berlarutan kepada amonia boleh membawa kepada buta dan sakit paru-paru.

Menyedut wap asid sulfik pula boleh menyebabkan bengkak paru-paru, dan mengakibatkan pembentukan cecair di dalam paru-paru. Pendedahan yang berpanjangan kepada asid sulfik boleh menyebabkan sakit *bronchitis* yang teruk, gigi menjadi hitam dan sakit paru-paru.

Kesan Ke Atas Kesihatan Akibat Berkerja Mengikut Shift

idea di sebalik mengadakan kerja mengikut *shift* dalam sehari adalah supaya mesin dan peralatan kilang dapat digunakan sepenuhnya. Keadaan ini memang menguntungkan majikan tetapi sebaliknya mendatangkan mudarat kepada para pekerja. Kerja mengikut *shift* mendatangkan banyak kesan, sama ada dari segi biologi, sosial dan emosi. Kesan-kesan mudarat ini telah dibuktikan melalui kajian yang dilakukan di Amerika Syarikat dan lain-lain negara perindustrian. Tubuh badan kita bekerja atau

berfungsi secara semulajadi. Apabila seseorang bekerja pada shift malam, ini bermakna ia menjadikan malam seperti siang dan begitu juga sebaliknya. Hal ini merosakkan fungsi tubuh badannya. Ia boleh mengakibatkan kebolehan orang itu melakukan kerja merosot, dan sistem derianya tidak tepat.

Telah dilaporkan di Amerika Syarikat, iaitu kemalangan perusahaan banyak berlaku pada waktu kerja dari pukul 10 malam hingga 2 pagi. Jelaslah di sini bahawa kerja yang dilakukan pada waktu malam membahayakan tubuh badan manusia.

Ramai pekerja berkata bahawa mereka kurang tidur bila bekerja waktu malam. Lebih-lebih lagi bila tidur mereka tidak sempurna. Ini mungkin disebabkan oleh kebisingan dan keadaan siang hari yang tidak sesuai untuk berehat dan tidur.

Jika tidur mereka tidak sempurna, maka akan timbul beberapa masalah yang lain, seperti kurang selera makan dan masalah penghadaman. Pekerja-pekerja mengikut *shift* selalunya makan tidak banyak, mengalami sembelit, gestrik dan ulcer dalam perut. Kebanyakan mereka meminum alkohol dengan banyak untuk melawan keadaan hidup mereka yang tertekan.

Gangguan Sosial dan Emosi

Pekerja-pekerja *shift* mengalami keadaan yang tidak tenteram (*nervous*) kerana fungsi tubuh badan mereka telah terganggu. Mereka mudah tersinggung dan menjadi pemarah. Kehidupan sosialnya juga rosak.

Mereka tidak dapat menyertai perjumpaan-perjumpaan dan kegiatan-kegiatan sosial lainnya. Kehidupan keluarganya juga rosak. Suami dan isteri selalu tidak ada masa untuk bersama antara satu sama lain atau bersama dengan anak-anak mereka.

Dokumen Jabatan Kesihatan, Pelajaran dan Kebajikan Amerika Syarikat menunjukkan bahawa, jika

dibandingkan dengan pekerja-pekerja *shift* mengambil lebih banyak cuti sakit, memberi alasan yang lebih serius untuk mengambil cuti tersebut, dan umumnya mengalami masalah kesihatan yang serius.

Menurut Suruhanjaya Kesihatan dan Keselamatan United Kingdom, pekerja-pekerja *shift* adalah 2½ kali lebih ramai daripada pekerja-pekerja siang yang mengalami masalah gangguan saraf.

Tidak ada keraguan lagi bahawa kerja *shift* membawa akibat mudarat kepada pekerja-pekerja dari segi kesihatan mahupun juga dari segi sosial. Soal yang penting di sini ialah, apa yang harus dilakukan terhadap perkara ini?

Apa Harus Dilakukan

Pekerja-pekerja *shift* seharusnya diberi ganti rugi yang lebih besar dan jagaan kesihatan yang lebih. Ini adalah kerana keburukan yang bertambah dari segi kesihatan berhubung dengan kerja *shift* itu. Sebagai contoh, pekerja itu mesti diberi satu hari cuti tambahan selepas kerja *shift*.

Doktor dan jururawat diadakan untuk memberi nasihat kesihatan dan masalah pemakanan. Pemereksaan doktor yang kerap mesti diadakan (yang sepatutnya meliputi semua pekerja). Cuti sakit yang tidak terbatas harus juga diberi. Waktu bekerja pada *shift* malam, para pekerja harus diberi masa yang lebih banyak dan panjang untuk rehat.

Langkah-langkah cegahan tersebut sangat mustahak untuk menolong pekerja-pekerja menjaga kesihatan mereka akibat dari keadaan bekerja yang tidak elok. Langkah-langkah tersebut juga dapat melindungi para pekerja dari kemalangan yang mungkin berlaku akibat dari kepenatan. Sejajar dengan slogan kata WHO "*kesihatan untuk semua*", kita mestilah memperjuangkan keadaan bekerja yang lebih baik, walaupun ini bermakna pengurangan keuntungan kepada tuan-tuan punya kilang.

SISTEM PENGAWASAN KEWANGAN NEGARA LEMAH?

Apabila isi kandungan Laporan Ketua Audit Negara 1977 dihebahkan untuk pengetahuan umum, orang ramai sungguh tertegun dan merasa marah dengan kepincangan-kepincangan yang berlaku dalam pengendalian kewangan negara. Ramai di antara mereka sekarang bertanya-tanya. Apakah yang akan berlaku selepas Laporan Ketua Audit Negara itu dibentang di Parlimen?

Seperti biasa, Jawatankuasa Kewangan Parlimen (JKP) akan mengambil tindakan selanjutnya. Ia akan menyiasat kepincangan-kepincangan yang ditimbulkan oleh laporan itu untuk memastikan sifat pengurusan kewangan yang salah dan mengesan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab. Ia juga akan membuat cadangan untuk mengatasi masalah yang dihadapi di dalam berbagai jabatan kerajaan dan Kemerntian.

JKP merupakan sebuah badan yang paling berkuasa mengawasi pengendalian kewangan negara. Tetapi, itu hanya dalam tiori sahaja. Pada hakikatnya, ia tidak sebegitu berkuasa. Walaupun ia adalah satu badan penting di negara ini dalam memastikan yang semua jabatan kerajaan dan kementerian harus bertanggungjawab kepada orang ramai tetapi sehingga hari ini, prestasinya adalah tidak menggalakan.

Tahun demi tahun, JKP telah membuat cadangan-cadangan supaya dapat ditingkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan dikurangkan penyalahgunaan wang di jabatan-jabatan kerajaan. Dan setiap tahun pula Laporan-laporan Ketua Audit Negara menyenaraikan kepincangan-kepincangan pengendalian kewangan yang serupa.



Tan Sri Ahmad Nordin

Tugas JKP

Menurut Artikel 77 Peraturan Dewan Rakyat, tugas-tugas JKP termasuk memeriksa:

- kira-kira Kerajaan Persekutuan dan pembahagian wang yang diluluskan oleh Parlimen untuk membiayai perbelanjaan awam;
- kira-kira badan-badan berkanun dan badan-badan lain yang mengendali wang awam;
- laporan-laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan di Parlimen; dan
- hal-hal lain yang dirujuk kepadanya oleh Dewan.

Ahli-ahli JKP dilantik selepas tiap-tiap pilihanraya dan akan bertugas sehingga Parlimen dibubarkan untuk pilihanraya berikut. Pengerusi dan Naib-Pengerusinya dilantik oleh Dewan manakala ahli-ahli lain dipilih oleh Jawatankuasa Pemilih. Menteri tidak dibenarkan menjadi ahli JKP. Sekarang ini JKP mengandungi 9 orang ahli dan dipengerusikan oleh Datuk Lee Boon Peng, anggota Barisan Nasional dari Mantin.

Kuasa JKP

Dalam menjalankan penyiasatannya, JKP mempunyai kuasa untuk

memanggil pegawai-pegawai kerajaan dan meminta maklumat dari mana-mana jabatan yang terlibat. Malah ia berkuasa untuk memanggil menteri untuk menjelaskan perkara-perkara yang sedang disiasatnya.

Walaupun bagaimanapun, JKP telah menghadkan tugasnya kepada pemeriksaan laporan-laporan Ketua Audit Negara. Dan dalam hal ini, ia sangat bergantung kepada pejabat Ketua Audit Negara. Kebanyakan kerja yang perlu dilakukannya — seperti menyenaraikan soalan-soalan dan mengemukakannya kepada saksi-saksi, mencari dokumen-dokumen yang diperlukan, dll — telah dijalankan oleh Ketua Audit Negara sendiri ataupun pegawai-pegawai Jabatan Ketua Audit Negara.

JKP menjalankan penyiasatannya secara tertutup. Ini berbeza dengan keadaan di United Kingdom dan Australia di mana orang ramai dibenarkan menghadiri sidang penyiasatan yang diadakan.

Selepas selesai dengan penyiasatannya, JKP akan membentangkan laporannya kepada Parlimen. Tetapi sayangnya, sehingga kini, laporan-laporannya itu tidak pernah dibahas di Parlimen. Apabila laporannya dibentangkan dalam Parlimen, ia "diterima" tanpa apa-apa perbincangan.

Tindakan Terhadap

Seterusnya Pihak Perbendaharaan dan jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat dikehendaki bertindak atas cadangan-cadangan yang dibuat oleh JKP. Sehingga lima tahun lalu, pihak Perbendaharaan tidak menyediakan satu memorandum selepas saja laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Parlimen (dan sebelum JKP memulakan penyiasatannya), menerangkan perkara-

perkara yang ditimbulkan oleh Laporan Ketua Audit. Selepas JKP membentangkan laporannya kepada Parlimen, pihak Perbendaharaan akan menyediakan satu lagi dokumen — dikenali sebagai Minit Perbendaharaan — untuk dibentangkan ke Parlimen untuk menerangkan langkah-langkah yang telah diambilnya berdasarkan cadangan-cadangan JKP.

Sekarang Memorandum dan Minit Perbendaharaan tidak disediakan lagi dan tiada sebab diberi kenapa amalan itu diberhentikan.

Dengan itu, tanpa kuasa eksekutif dan kuasa menghukum, JKP hanyalah boleh menyalak saja tetapi tidak boleh menggigit. Ia tidak mempunyai kuasa untuk memastikan yang tindakan-tindakan diambil mengikut cadangan-cadangan yang dibuatnya. Malah ada juga yang mengatakan bahawa salakan JKP juga tidak lantang lagi.

Perhatian Utama

Ada juga pihak yang mendakwa bahawa oleh kerana ia dipengerusi-kan oleh seorang ahli BN dan dikuasai oleh parti pemerintah, maka JKP lebih mengutamakan cara untuk menjaga imej kerajaan dari mengesan kelemahan sebenar dan menghukum pegawai-pegawai yang bertanggung.

Jurang Masa

Hakikat bahawa JKP sentiasa menyiasat dan membuat laporan mengenai akaun bagi beberapa tahun yang lalu juga turut melemahkan keberkesanannya. Sebagai contoh, laporan JKP yang terakhir ialah mengenai Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun kurangan 1974! Encik Lim Kiat Siang pernah berkata bahawa kerja-kerja JKP hanya merupakan tindakan ke atas sejarah lampau. Oleh kerana beberapa tahun telah berlalu sebelum JKP dapat melakukan siasatan, maka pegawai-pegawai

yang bertanggungjawab mengenai kepincangan-kepincangan yang telah berlaku selalunya telah bersara atau berpindah.


Menurut Datuk Lee Boon Peng, masalah ini boleh diatasi kerana JKP mempunyai kuasa untuk mengesan pegawai berkenaan walaupun ia telah meninggalkan perkhidmatan kerajaan. Tetapi, menurut seorang ahli JKP, En. P. Patto, dalam keadaan seperti itu, JKP telah menutup banyak kes di mana terdapat pengurusan kewangan yang salah dan penyelewangan.

Kurang Kakitangan

Kekurangan kakitangan juga merupakan satu lagi masalah yang dihadapi oleh JKP. Dengan tidak mempunyai kakitangan tetapnya sendiri, maka ia terpaksa bergan-

tung kepada kakitangan perkeranian di pejabat urusetia Parlimen. Oleh kerana itu, ia terpaksa menunggu giliran untuk mendapat perkhidmatan mereka. Ini merupakan satu batasan ke atas kerja-kerjanya.

Kelemahan JKP ini serta hakikat bahawa Laporan Audit Negara tidak dibahaskan di Parlimen sehingga kini telah menimbulkan satu persoalan di kalangan orang ramai: Wujudlah kezaman politik di negeri ini untuk menghapuskan kepincangan pengendalian kewangan negara? Mungkin terlalu awal bagi kita untuk memberi jawapan kepada soalan ini. Baru-baru ini Dr. Mahathir telah berkata bahawa Laporan Audit Negara 1977 akan dibahaskan dalam sidang Parlimen akan datang. Oleh itu, sama-samalah kita ikuti perkembangan selanjutnya.



SIKAP MALAYSIA TERHADAP KUASA BESAR

Ana Khamis

Pada awal bulan September lalu, Permodalan Nasional Bhd (PNB), telah berjaya menguasai Guthrie Corporation Limited (GCL), sebuah Kumpulan syarikat ladang British di negeri ini. Pengambilalihan GCL itu, yang dijalankan dengan begitu licin dan terancang, telah membuktikan kepada dunia tentang kemampuan dan kecekapan pengurus-pengurus tempatan. Ianya juga telah disifatkan sebagai satu tindakan agresif untuk menyelamatkan kepentingan ekonomi negara serta maruah bangsa Malaysia.

GCL dulunya menguasai hampir 200,000 ekar tanah pertanian yang paling subur di negeri ini yang dipenuhi dengan getah, kelapa sawit, koko dan teh. Pada tahun lalu syarikat tersebut di laporkan mendapat keuntungan sebanyak \$94.6 juta, yang 74% dari keuntungannya itu berpunca dari pelaburan di Asia Tenggara dan kebanyakannya di Malaysia.

Ini bermakna bahawa dengan pengambilalihan GCL, PNB bukan sahaja telah menyelamatkan keuntungan yang besar itu tetapi juga telah mengambil ahli penguasaan ekonomi negeri dari tangan pemodal British.

Reaksi Britain

Hakikat ini memang sukar ditelan oleh pemodal dan kerajaan British. Malah, pihak berkuasa British telah mengambil tindakan balas apabila Majlis Industri Sekuriti British meminda peraturan pembelian dan

pengambilalihan saham di Pasaran Saham London. Menurut peraturan baru, mana-mana pihak yang memegang 15% atau lebih dari saham sebuah syarikat adalah tidak dibenarkan membeli lebih dari saham syarikat tersebut dalam masa satu minggu. Walaupun pihak berkuasa British telah menafikan dakwaan bahawa perubahan peraturan itu ada kaitannya dengan peristiwa pengambilalihan GCL tetapi seluruh dunia tahu bahawa peraturan baru itu adalah dihelakan kepada Malaysia dengan tujuan untuk menghalang berulangnya tindakan kilat seperti mana yang dilancarkan oleh PNB'

Tindak balas Malaysia

Kerajaan Malaysia sungguh menyesali sikap pihak kuasa British dan telah terpaksa mengambil tindakan balas sebagai langkah mempertahankan diri. Pada awal bulan Oktober, semua kementerian dan agensi-agensinya telah diarah supaya merujuk kepada Jabatan Perdana Menteri (JPM) terlebih dahulu mengenai sebarang tender yang ingin diberikan kepada firma-firma British sebelum tawarannya dibuat. Jabatan-jabatan kerajaan yang mengemukakan nama firma-firma British untuk dipertimbangkan itu dikehendaki mengemukakan juga pilihan kedua dari negara lain untuk membolehkan JPM membuat perbandingan.

Pemodal British mengalah
Langkah baru kerajaan Malaysia

itu telah dialu-alukan oleh banyak pihak sebagai wajar. Tetapi, syarikat British yang berniaga di negeri ini merasa amat bimbang dengan langkah baru kerajaan itu. Mereka tahu bahawa beribu juta ringgit kan di belanjakan ke atas berbagai projek di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan mereka kluatir yang mereka tidak akan mendapat apa kontrek langsung dari kerajaan Malaysia. Oleh kerana itu, Persatuan Perdagangan dan Industri British-Malaysia telah mengadakan mesyuarat dan mengeluarkan kenyataan bahawa perniagaan British di negeri ini akan dijalankan sejajar dengan aspirasi negeri ini, khususnya dengan Dasar Ekonomi Baru. Di samping itu, buat pertama kalinya masyarakat peniaga British telah menyatakan minat mereka untuk menyumbang kepada tabung pelajaran yang ditubuhkan dengan tujuan membantu pelajar-pelajar Malaysia di Britain, yang menghadapi masalah akibat kenaikan pesat yuran pelajaran mereka.

Nampaknya setakat ini sikap dan langkah agresif dan tegas yang ditunjukkan oleh kerajaan Malaysia dalam mengendalikan hubungannya dengan Britain telah membawa faedah kepada negara. Pihak British juga telah terpaksa menghormati pemimpin-negeri ini. Tetapi sayangnya polisi yang wajar ini tidak pula dilaksanakan secara menyeluruh oleh kerajaan Malaysia. Sebagai contoh, cuba kita kaji sikap kerajaan negeri ini terhadap masalah menstabilkan harga bijih timah.

Masalah Timah

Belama satu tahun yang lalu, negara-negara pengeluar bijih timah dunia telah berusaha untuk mendapatkan persetujuan negara-negara pengguna supaya dinaikkan harga

bahan tersebut. Tuntutan mereka itu adalah berasaskan kepada hakikat bahawa kos pengeluaran bahan tersebut telah meningkat dengan pesat. Sekarang ini kos pengeluaran purata bagi satu kilogram bijih timah ialah \$30.46 tetapi harga lantai (harga terendah) stok penimbal masih lagi \$27.28. Akibatnya, banyak lombang timah telah terpaksa ditutup. Di Malaysia sahaja, 100 buah lombang bijih telahpun ditutup akibat kenaikan kos pengeluarannya.

Di antara negara-negara pengeluar bijih, Malaysia mengetuai puak "sederhana" yang menekan kerjasama dan mengelakkan konflik di antara negara-negara pengeluar dan pengguna. Tetapi usaha puak "sederhana" ini telah menerima

stok simpanan timah yang besar.

Apakah reaksi Malaysia terhadap sikap AS itu? Setakat ini, kerajaan Malaysia telah menyelasi dan membidas akan sikap AS itu. Langkah yang paling "keras" yang diambilnya hanyalah setakat memberi amaran. Dalam ucapan merasmikan persidangan Majlis Timah Antarabangsa ke 24 baru-baru ini, Datuk Musa Hitam telah memberi amaran sekiranya ITA dibuat tanpa sokongan sepenuhnya dari negara-negara pengguna, maka negara-negara pengeluar bijih timah tidak akan bertanggung jawab dengan sebarang tamparan hebat baru-baru ini bila Amerika Syarikat (AS) mengumumkan keengganannya menyertai Penjanjian Timah Antarabangsa (ITA) keenam. Tindakan AS itu jelas menunjukkan keengganannya mempersetujui paras harga timah yang lebih adil lagi. Ia mampu bersikap angkuh kerana ia mempunyai stok simpanan timah yang besar.

Apakah reaksi Malaysia terhadap

kemungkinan timbulnya keadaan yang tidak memuaskan.

Maka timbullah berbagai persoalan dari banyak pihak mengenai sikap Malaysia dalam isu ini. Mengapakah sikap berani dan tegas yang ditunjukkan oleh Malaysia terhadap Britain tidak ditunjukkan juga kepada AS? Adakah kerana AS merupakan negara imperialis yang besar dan Britain merupakan singa yang tidak bergigi lagi, maka pihak kerajaan Malaysia menunjukkan sikap yang berlainan terhadap kedua-dua negara itu?

Walaupun apa jawapan kepada soalan-soalan ini, satu kesimpulan adalah jelas dari peristiwa-peristiwa ini, iaitu: sekiranya negara-negara membangun ingin memperolehi hasil dalam usaha mereka kearah mengujudkan Susunan Ekonomi Dunia Baru (NIEO) maka mereka mesti bersikap agresif dan tegas. Jika tidak, matlamat NIEO yang murni itu hanya akan tinggal sebagai satu impian sahaja.

(sambungan dari m.s. 33)

Apa yang mesti ia jawab? tanyanya lagi dalam hati. Haruskah ia mencari jalan selamat, dan berdusta? atau ia bercakap terus terang — berkata yang sebenarnya?

Tetapi akhirnya Redzuan menemui dirinya. Ia mengangkat mukanya. Sambil memandang tepat ke arah Magistrate ia berkata, dengan suara yang perlahan tetapi jelas kedengaran.

"Memang benar . . . bahawa saya ada berkata seperti yang didakwa itu. Tapi tuan Magistrate, saya tak fikir ada perkataan yang lebih sesuai dari kezaliman untuk menerangkan tindakan yang diperlakukan ke atas orang-orang susah seperti setingan itu . . . Dan tidak adil, pada fikir saya, adalah kata-kata yang paling tepat terhadap segala perbuatan merobohkan rumah orang-orang miskin itu . . ."

Tetapi sebelum Redzuan sempat menghabiskan kata-katanya, Magistrate dengan cepat memotong.

Dan dengan cepat juga Magistrate menjatuhkan hukuman.



"She was disturbing the war..."

HASSAN ABDUL KARIM
KUALA LUMPUR
5 NOV 1981

KUASA JEPUN DALAM TAHUN '80 AN

Ekonomi & Tentera

Jepun mempunyai sebuah ekonomi yang ketiga besarnya di dunia, iaitu selepas Amerika Syarikat (AS) dan Uni Soviet. Oleh kerana pasaran dalam negerinya adalah terbatas dan ia kekurangan bahan-bahan mentah yang penting seperti minyak, maka Jepun telah menjadi pedagang yang paling agresif di dunia.

Jepun mengimpot 99% dari keperluan minyaknya, 70% dari gas aslinya, 100% dari bahan membuat besinya, 99% dari aluminium dan tembaga dan 80% dari arangnya. Ini menunjukkan bahawa walaupun ekonomi Jepun kuat tetapi ia sangat terdedah kepada ancaman kuasa besar.

Mungkin oleh kerana ini, Jepun telah mengambil sikap yang lebih pragmatik terhadap perbezaan politiknya dengan negara lain jika dibandingkan dengan AS. Sebagai contoh, Jepun merupakan rakan perdagangan utama kepada China, Uni Soviet, Korea Selatan dan Cuba. Keadaan ini telah membuat setengah pihak meramalkan yang Jepun mungkin cuba mengikuti jalan yang berlainan dari A.S.

Hubungan Jepun — AS

Tetapi, sekiranya di kaji secara teliti akan pasaran utama barang Jepun serta tempat-tempat pelaburannya, kita akan dapati bahawa kepentingan dan masa depan Jepun masih terikat kepada dunia kapitalis, khususnya AS.

AS merupakan pasaran barang Jepun yang terpenting sekali. Ia membeli 30% dari eksport Jepun. Perdagangan Jepun dengan Eropah Barat boleh dikatakan agak seimbang. Hanya mulai tahun lepas, negara-negara Eropah Barat telah mengimpot lebih dari yang diekspotnya.

Di Asia, kuasa ekonomi Jepun adalah setaraf (malah di setengah kawasan melebihi) dengan kuasa AS. Ekonomi Jepun adalah sepuluh kali ganda lebih besar dari ekonomi negara-negara SEAN yang

Jepun dan ASEAN

Jepun juga adalah rakan perdagangan terbesar bagi negara-negara dalam ASEAN. Ia membeli 30% dari eksport negara-negara tersebut dan membekal 22% dari jumlah impot mereka. Di samping itu, 44% dari pelaburan asing di negara-negara



Tentera Pertahanan Diri Sendiri ASEAN adalah milik Jepun (AS membeli 21% dari eksport ASEAN dan membekal 15% dari impot dan 24% dari pelaburan asing di negara-negara tersebut).

Baru-baru ini, India telah ter-setuju membenarkan Jepun mendirikan projek hidro elektrik yang bernilai sebanyak AS\$3,100 juta. Dengan perkembangan ini, Jepun telah menjadi pelabur modal terbesar di India.

Kejayaan Jepun menyusup pasaran-pasaran ini, sambil pada waktu yang sama menghadkan kemasukan barang-barang asing ke dalam negerinya, telah menimbulkan ketegangan dalam hubungan antaranya dengan AS dan Eropah Barat.

Selain dari itu, AS dan negara Eropah juga merasa tidak

senang hati dengan sikap Jepun yang kurang berminat untuk mempersenjatai semula.

Jepun telah menambahkan perbelanjaan pertahanannya pada tahun ini sebanyak 7.61%. Walaupun kadar ini menghampiri kadar pertambahan perbelanjaan pertahanan di negerinegeri kapitalis yang utama, tetapi AS dan kuasa Barat yang lain merasakan ianya masih tidak mencukupi. Menurut mereka, Jepun masih lagi lembab dalam menambahkan kemampuan ketenteraannya.

Setengah pemerhati berpendapat bahawa perlembagaan Jepun merupakan penghalang utama kepada usaha pembesaran angkatan tenteranya. Perlembagaan ini, yang telah dipaksakan ke atas Jepun oleh AS selepas Perang Dunia Kedua, menghalang Jepun mengembangkan angkatan tentera untuk tujuan menyerang negara lain.

Menurut perlembagaan itu lagi, Jepun harus berada di bawah perlindungan AS. Oleh itu, ia hanya perlu pasukan tentera yang kecil untuk mengawal keamanan dalam negeri dan menangguk kemaraan sebarang serangan tentera asing sebelum ketibaan tentera AS.

Halangan Semakin Lemah

Tetapi halangan perlembagaan ini semakin menjadi tidak penting. Sekarang AS sendiri yang menggalakkan Jepun supaya membesarkan tenteranya dan memikul tanggungjawab ketenteraan yang lebih besar di rantau ini. China juga mahu Jepun membesarkan tenteranya supaya dapat menghadapi ancaman Uni Soviet.

Apa yang lebih penting lagi ialah 2/3 dari anggota Parti Demokratik Liberal (LDP) yang memerintah di Jepun sekarang ini bersetuju dipinda fasal-fasal perlembagaan yang meng-

halang negeri itu membesarkan tenteranya. Ini bermakna bahawa Jepun akan membesarkan tenteranya.

Jepun Akan Mempersenjatai Semula

Adalah jelas sekarang ini bahawa Jepun tidak begitu yakin tentang ancaman pencerabahan dari USSR. Malahan, Jepun mendapati adalah lebih menguntungkan jika tenteranya tidak dikehendaki mengawal keselamatan di rantau ini dan membiarkan negara kapitalis besar yang lain menanggung tanggung

jawab ini. Tanpa tanggung jawab itu, ia tidak akan menghadapi risiko peperangan dan akan membolehkan ia bergerak secara lebih mudah untuk memajukan kepentingan ekonominya.

Tetapi masa depan Jepun tidak boleh dipisahkan dari kepentingan A.S. Washington menganggap Uni Soviet sebagai musuh utamanya. Oleh itu, pentadbiran Reagan telah menuntut dan mendesak sekutu-sekutunya supaya membesarkan tentera mereka untuk menghadapi ancaman tersebut.

Walaupun Jepun agak keberatan untuk memikul tanggungjawab tentera yang lebih besar, tetapi ia sedar bahawa ia tidak dapat bertahan lama untuk menghadapi tekanan dari AS dan kuasa Barat lain. Di samping itu, Jepun juga tahu bahawa ia mempunyai kepentingan yang sama dengan negara-negara kapitalis lain segi mengekalkan *status quo*. Oleh itu, Jepun akhirnya akan menurut desakan AS dan akan mempersenjatai semula sehingga ke peringkat yang setaraf dengan statusnya sebagai sebuah negara imperialis.

REFORMASI PENTADBIRAN DI JEPUN:

KE ARAH MEMPERSENJATAKAN SEMULA

Salah satu isu utama dalam politik Jepun pada tahun ini ialah *Gyokoku* ataupun reformasi pentadbiran. Perdana Menteri Suzuki telah pun menyatakan dengan tegas bahawa ia akan melaksanakan reformasi tersebut walaupun langkahnya ini akan mengancam kedudukan politiknya. Menurutnyanya lagi, "Reformasi pentadbiran dan fiskal merupakan satu tanggungjawab untuk menyediakan Jepun bagi abad ke 21."

Kenapakah reformasi pentadbiran begini penting kepada pemimpin Jepun? Menurut setengah pemerhati politik Jepun, desakan untuk melaksanakan reformasi ini datangnya dari pemimpin-pemimpin politik dan kewangan Jepun yang merasakan bahawa negeri mereka tidak lagi berdaya untuk menghadapi cabaran yang timbul akibat perubahan dalam keadaan antarabangsa dan dalam negeri yang begitu pesat. Menurut mereka, sistem pentadbiran Jepun yang berasaskan kepada perlembangannya adalah satu kesilapan dan *Gyokoku* adalah satu percubaan untuk mengatasi kesilapan tersebut. Malahan seorang penyelidik Jepun yang bertanggung jawab menyusung rancangan reformasi ini pernah berkata secara terbuka bahawa *Gyokoku* adalah bertujuan "untuk menyediakan negara (Jepun)

menghadapi keadaan kecemasan baik di dalam negeri maupun di peringkat antarabangsa.

Menurut berita-berita akhbar, dalam rancangan reformasi ini, berbagai langkah-langkah telah diatur untuk menghadapi kemungkinan berlakunya krisis ekonomi ataupun perubahan politik yang besar dalam dunia kapitalis. Ia juga boleh disifatkan sebagai satu rancangan untuk menyediakan negara Jepun memikul tanggungjawab ketenteraan yang lebih besar, sepertimana yang dikehendaki oleh AS dan negara-negara Eropah Barat.

Ekonomi Jepun juga sedang mengalami perubahan. Asasnya yang lama seperti industri kereta dan elektronik telah ditukar dengan industri yang berorientasi keperluan ketenteraan seperti industri kapal terbang, kuasa nuklear dan elektronik komputer. Perubahan ini memerlukan juga satu pentadbiran negara, satu struktur belanjawan, satu sistem pelajaran dan satu gerakan buruh yang dapat melicinkan usaha-usaha ke arahnya.

Baru-baru ini kementerian Pelajaran telahpun mengubah suai isi kandungan buku-buku yang digunakan oleh sekolah-sekolah rendah dan menengah-rendah. Firma penerbit telahpun diarah supaya

memadamkan bahagian-bahagian buku yang menyentuh tentang perlembagaan atau mengkritik industri-industri yang mencemarkan alam sekitar dan perang pencerobohan Jepun pada masa lalu.

Selain dari itu, Kabinet Suzuki telah juga memutuskan supaya Ogos — hari menandakan kekalahan Jepun dalam Perang Dunia kedua (PD II), — dijadi hari untuk memperingati tentera Jepun yang terkerban dalam PD II. Seterusnya, Tentera Pertahanan Diri Senderi (SDF) telahpun menjalankan latihan ketenteraan dengan mengandaikan satu serangan usuh dilancarkan dari semenanjung Korea. Pembinaan Pejabat pusat kawalan yang serupa dengan ibu pejabat tentera imperial Jepun semasa PD II dulu telahpun dimulakan.

Perubahan-perubahan ini menunjukkan bahawa pemerintah Jepun sedang berusaha bersungguhsungguh untuk membawa reformasi dalam sistem pentadbirannya supaya dapat menyumbang terhadap rancangannya menjadikan negeri itu sebuah kuasa tentera yang besar di Asia. Perkembangan ini pasti akan mempunyai kesanyang besar ke atas masa depan rakyat di Asia dan Pasifik.

ANWAR SADAT :

PEMBELA ATAU PEMBELOT ? S.I. Chu

Pembunuhan Sadat telah menimbulkan tanda-tanya mengenai masa depan di Mesir. Tetapi yang lebih penting ialah kedudukan kuasa Amerika Syarikat di Asia Barat.

Yang anih sekali ialah kematian Sadat telah disambut dengan meriah oleh rakyat Arab, tetapi musuh mereka di Israel dan Washington pula yang meragukan perubahan ini.

Apakah Sadat mati semata-mata di tangan kumpulan fanatik Islam, ataupun akibat sikapnya yang telah memecahbelahkan perpaduan Arab?

Ini tidak dapat dinyatakan dengan pasti, tetapi Sadat telah ditentang hebat berdasarkan apa yang dikatakan pembelotan Kem David.

Kem David

Di Kem David, Sadat telah membuat perjanjian damai dengan Israel bagi mengakhiri peperangan dan permusuhan; sebaliknya mereka berdua akan bekerja-sama untuk mendamaikan rantau tersebut. Akibatnya Sadat telah disanjung tinggi oleh Amerika Syarikat, sebagai pemimpin Arab yang tegas dan bijaksana, yang kononnya mendahului zamannya.

Tetapi Sadat telah dikecam dengan keras oleh negara-negara Arab sebagai pembelot kepada perjuangan bangsanya, dan juga sebagai boneka Amerika Syarikat di rantau itu. Kenapakah kepentingan AS begitu bertentangan dengan rakyat Arab?

Sebagai kuasa kapitalis yang terbesar dan terkaya sekali, AS telah menguasai sumber-sumber minyak petroliam di Asia Barat, di mana ekonominya sangat bergantung



Anwar Sadat: Pembela atau Pembelot

kepada sumber tersebut. AS memerlukan sebuah negara yang kuat, stabil dan pro-AS.

Sebab itulah AS telah mengiktirafkan Israel tiga puluh tahun dahulu dan hingga sekarang kuat menyokong dan membantunya. Maka itu, AS bertanggung-jawab terhadap masalah Palestin dan peperangan serta tegangan di Asia Barat.

Israel Gagal

Israel telah gagal menundukkan negara-negara Arab atau mempertahankan sumber petroliam untuk kepentingan AS. Washington khuatir sekiranya sumber ini akan jatuh ke tangan Uni Soviet, yang juga giat mengembangkan pengaruh dan kuasanya.

Arab Saudi, walaupun kaya dan

pro-AS, mempunyai bilangan penduduk yang sedikit dan keadaan politik yang tidak kukuh. Walau bagaimanapun, baru-baru ini, sokongan AS terhadap pemerintah Arab Saudi telah bertambah memandangkan kekecohandi Mesir dan kuasanya terhadap minyak; maka pemerintah Reagan telah berjaya meluluskan penjualan senjata moden AWACS kepadanya.

Dasar Amerika

Sadat telah berjaya menjadikan Mesir sebagai sekutu karib kepada Washington. Beliau telah cuba memberi imej baru AS sebagai pendamai dan sahabat. Ini jauh sekali dari kenyataan. Amerika masih setia kepada Israel dan tidak ragu-ragu membekalkannya dengan kewangan dan senjata moden untuk menentang rakyat Arab, terutama sekali rakyat Palestin.

'Di bawah Presiden Carter, AS telah cuba membina satu barisan anti-Soviet di antara negara-negara Arab, berteraskan kepada Mesir dan Arab Saudi. Sekarang, Presiden Reagan pula melaksanakan suatu dasar luar negeri yang agresif; misalnya, pembinasaan dua jet Libya, pembentukan satu Angkatan Gerak Cepat (*Rapid Deployment Force*), penjualan kapal terbang AWAC kepada Arab Saudi dan lain-lain lagi.

Kematian Sadat telah menjejaskan rancangan AS. Walaupun Presiden Mubarak berjanji akan melaksanakan semua dasar-dasar Sadat, termasuk Perjanjian Kem David, tetapi ada kemungkinan ia akan berubah pada masa depan. Ini adalah suatu tanda-tanya yang besar kepada Washington.

POLISI A.S. DI ASIA BARAT DALAM KESULITAN

Aminah Junid

Husni Mubarak telahpun mengangkat sumpah sebagai presiden baru Mesir. Sementara itu, pihak tentera dan polis Mesir masih terus melakukan penangkapan di seluruh negeri itu. Sasaran utama mereka ialah anggota-anggota angkatan tentera yang disyaki terlibat dengan pembunuhan Sadat

Sudan Goncang

Di negara jirannya, Sudan, di mana Amerika Syarikat (AS) sedang bersedia untuk menghantar bantuan tentera bernilai US\$100 juta, wartawan-wartawan Barat mendapati bahawa dakwaan Presiden Nimeiry tentang bahaya serangan dari Libya ke atas negerinya sebagai palsu. Nimeiry sengaja mengheboh-hebohkan isi ini untuk menutup masalah dalam negerinya yang menjadi semakin genting. Ia juga berbuat demikian untuk mendapat bantuan tentera yang lebih besar dari AS.

Menurut laporan *Wall Street Journal*, kemungkinan serangan Libya ke atas Sudan adalah terlalu kecil. Laporan itu seterusnya memetik pandangan seorang diplomat Barat di ibu negeri Sudan yang berkata bahawa "dari segi politik, regim (Nimeiry) ini nampaknya tidak akan dapat kekal lama".

Walaupun alasan yang ingin digunakan untuk menyerang Libya pada kali ini telah didedah sebagai palsu tetapi bahaya tindakan AS dan sekutunya ke atas Libya masih lagi wujud. Baru-baru ini, seorang pegawai perisik AS telah memberi tahu *Sunday Times*, London bahawa "Qaddafi mesti digulingkan"

Latihan Tentera Besar-Besaran

Sekarang ini Washington berharap yang operasi "Bright Star", iaitu satu latihan tentera secara besar-besaran di kawasan Asia Barat pada awal November, akan dapat mencetuskan

sesuatu. Latihan itu adalah bertujuan untuk memperlihatkan bagaimana campur tangan tentera AS di kawasan itu akan dilaksanakan.

Libya sudah pasti akan memperkukuhkan lagi pertahanannya apabila angkatan tentera AS melancarkan operasi bersama dengan tentera Mesir, Sudan, Oman dan mungkin Somali di kawasan itu. Sementara itu, satu angkatan kapal-terbang pengebom B-52 akan terbang tanpa berhenti dari Dakota Utara di AS ke Mesir, di mana akan melakukan serangan mengebom di kawasan padang pasir, dan kemudiannya terbang pulang-tanpa berhenti juga — ke AS.

Seorang jurucakap Pentagon, Henry Catto, telah memberitahu *Christian Science Monitor* bahawa "banyak perkara mungkin akan berlaku" semasa latihan tentera itu.

Arahan AS kepada Israel

Sementara persiap untuk latihan tentera itu dilaksanakan, AS dan sekutu Eropah Baratnya telah juga mengambil langkah berasingan untuk melindungi kepentingan sekutu mereka di Asia Barat. Wakil khas AS, Philip Habib, telah di hantar ke kawasan itu sekali lagi untuk mendesak Perdana Menteri Israel, Menachem Begin, supaya bertenang dan tidak mengambil tindakan-tindakan liar, langkah ini dianggap penting oleh AS untuk tujuan memberi masa kepada Husni Mubarak mengukuhkan pemerintahannya.

Sementara itu, adalah dipercayai bahawa Begin sedang merancang satu serangan tentera yang baru ke atas Lebanon dengan tujuan untuk memuaskan hati puak pelampau kanan dalam kerajaannya dan juga "menguji" Husni Mubarak sebelum memulangkan kawasan Sinai kepada Mesir pada bulan April depan.

Sekiranya Mubarak "lulus" ujian ini dengan berdiam diri terhadap serangan itu, kawasan Sinai akan dipulangkan kepada Mesir.

Tetapi, dari pandangan AS, langkah Israel ini akan menimbulkan masalah. Memandangkan keadaan tidak stabil di Mesir sekarang ini, mereka khawatir tindakan Israel itu akan mengakibatkan tergulingnya pemimpin baru di Mesir. Itu sebabnya AS tidak mahu Israel mengambil apa-apa tindakan pada masa ini.

Rancangan Damai Saudi

Pada waktu yang sama, Menteri Luar British telah melawat Arab Saudi dengan tujuan untuk mendesak kerajaan negeri itu supaya meneruskan usahanya dalam menjayakan rancangan damai lapan-perkara bagi Kawasan Asia Barat. Rancangan itu — yang antara lain mencadangkan sebuah negara Palestin yang merdeka, memberi hak kepada orang pelarian Palestin untuk pulang ke Israel dan secara tersirat mengiktiraf Israel sebagai sebuah negara yang sah — telah dipersetujui secara kasar oleh negara anggota NATO. Walaupun tidak semua perkara yang diutarakan oleh Arab Saudi dapat diterima oleh negara Barat, tetapi mereka mendapati rancangan itu mempunyai peluang untuk berjaya dan dapat menggantikan perjanjian Camp David yang sudahpun berkubur

Pengerusi Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Yasir Arafat, telah mensifatkan inisiatif Arab Saudi itu sebagai satu "langkah yang membina". Tetapi beberapa badan gabungan PLO, seperti Barisan Popular Untuk Pembebasan Palestin (PFLP) dan Barisan Demokratik Untuk Pembebasan Palestin (PFLP), telah mengutuk rancangan itu sebagai "membuka pintu baru untuk Camp David".

Masoud Rajavi

Eddy Lee

Wawancara dengan Masoud Rajavi, pemimpin Mojahidin-E-Khalq (Iran) yang Halliday, penulis British yang pernah menulis *Iran: Dictatorship and Development*. Rajavi telah menumpang di rumah bekas presiden Iran, Abolhassan Bani-Sadr di pinggiran Paris yang pernah diduduki oleh Ayatollah Khomeini setelah beliau disingkir dari Iraq sebelum Shah dijatuhkan pada awal tahun 1979.

Rajavi yang berumur tiga-puluhan, berasal daripada keluarga saudagar dari Mashad dan pernah mempelajari sains politik di Universiti Tehran. Dia adalah pengasas Mojahidin tunggal yang tidak dapat dibunuh oleh pemerintah Shah.

Dia pernah mendapat latihan tentera di kem gerila Palestin dan telah ditangkap pada tahun 1971. Setelah dia keluar pada Disember 1978, Rajavi terus mengambil alih

pimpinan Mojahidin. Oleh kerana tidak dibenarkan bertanding dalam pilihanraya presiden Iran yang pertama oleh Ayatollah Khomeini, Mojahidin telah menyokong Bani-Sadr. Rajavi telah dilantik sebagai perdana menteri dalam kerajaan buangan Bani-Sadr dan mereka juga menganggotai Majlis Penentangan Kebangsaan yang cuba menyelaraskan barisan bersatu yang luas terhadap pemerintahan Khomeini.

FH: En. Rajavi, anda telah menjangka kejatuhan kerajaan Khomeini dalam tempoh beberapa bulan dan anda juga telah menyatakan bahawa badan anda, Mojahidin, merupakan kuasa tunggal yang dapat menjatuhkan Ayatollah. Apa sebab-sebab sebalik dakwaan-dakwaan ini?

MR: Terdapat tiga sebab mengapa kami merupakan ancaman sebenar terhadap Khomeini. Pertama, kami adalah umat Islam. Kumpulan komunis dan sebagainya gagal di Iran kerana mereka tidak memahami rakyat; Islam merupakan sifat istimewa negeri kami. Kedua, oleh kerana kami tidak memerlukan Khomeini, sekarang atau dahulu. Kami pernah menerimanya sebagai pemimpin pada tahap akhir perjuangan terhadap Shah, tetapi kami lahir dan ujud bebas daripadanya, dan kami tahu, dari awal lagi, sifat diktator dan reaksionernya. Sebuah kumpulan ahli kami pernah menawan sebuah pesawat Iran ke Iraq pada 1970 dan telah berjumpa dengan Khomeini. Mereka telah lihat bahawa pendekatannya kepada Islam bersifat tradisional, kelas menengah dan bersayap kanan. Kumpulan-kumpulan politik lain



Masoud Rajavi

terpaksa melindungi sebalik Khomeini: Kami tidak perlu buat demikian. Sebab ketiga kami merupakan ancaman terhadapnya ialah kerana kami merupakan pembangkang utama terhadapnya dari awal lagi. Salah satu sebab mengapa dia telah menyokong peristiwa tawanan (kedutaan A.S.) adalah untuk menarik belia pengresif dari badan kami. Para pelajar yang menawan kedutaan itu adalah dari beberapa kumpulan yang berbeza, dari pengawal revolusioner dan Parti Republik Islam (PRI).

PRI telah mengambil alih peristiwa itu dan menggunakan perkara tawanan itu sebagai cara untuk menarik sokongan daripada kami.

FH: Anda telah membandingkan keadaan di Iran kini dengan keadaan sebelum revolusi tahun 1978. Tetapi walaupun pertubuhan anda lebih kuat sekarang, terdapat perbezaan penting antara rejim Khomeini dengan pemerintahan Shah. Khomeini masih mempunyai sokongan umum. Kumpulan-kumpulan penindasnya masih giat dan ternyata ganas: lebih pada

600 ahli Mojahidin telah dibunuh dalam dua bulan yang lepas. Tiada orang yang meragui keberanian pihak anda, tetapi tidakkah anda mengurang anggarakan kekuatan rejim ini?

MR: Khomeini tidak sekuat seperti digambarkan. Pada mula, 90% dari penduduk Iran menyokongnya. Tetapi sekarang, sokongannya tidak melebihi 15%. Pada mulanya, dia memimpin barisan luas antara golongan-golongan nasionalis, popular dan agama. Tetapi kemudian, dia telah cuba memusatkan kuasa dan oleh itu telah hilangkan sokongan: daripada burjis nasional, kaum tani, kaum buruh, kumpulan politik yang berlainan, ayatollah-ayatollah lain, kaum-kaum minoriti.

Semenjak memutus dengan Bani-Sadr, dia menjadi makin terencil. Oleh itu, dia terpaksa menyingkir semua wartawan asing sambil membunuh lebih pada 30 orang setiap hari. Terdapat 5 juta penganggur, 2 juta pelarian dari perang. Lebih dari sejuta rakyat Kurd sentiasa diserang. Lebih dari AS\$100 bilion telah dimusnah dalam perang, inflasi pun melebihi 100% setahun.

Khomeini perlu melanjutkan perang Iraq untuk menyembunyikan masalah-masalah ekonomi dan sosial ini. Ini sudah jelas dari pilihanraya presiden bulan Julai, bila Rijai menjadi presiden. Umur untuk mengundi telah diperturunkan kepada 15 tahun, yang bermakna lebih dari 23 juta orang berhak membuang undi. Tetapi, kami tahu, dari laporan rahsia Kementerian Dalam Negeri, bahawa tidak lebih dari 2.7 juta orang telah mengundi — tidak lebih dari 15%. Shah pun boleh dapatkan undi sebanyak itu untuk Parti Rastakhiznya. Jangan sangka bahawa kuasa-kuasa Khomeini tersusun: dia tak boleh menyusun apa-apa pun — itulah masalah pokoknya. Pemerintahannya adalah dari zaman purba. Oleh itu,

pertunjukan begitu penting — kemaraan, tunjuk perasaan, sembahyang Jumaat.

FH: Jika Khomeini dari zaman purba dan tidak cekap, bagaimana dia dapat memimpin revolusi terhadap Shah?

MR: Kejayaan Khomeini berasaskan beberapa faktor. Terdapat kekosongan politik dalam negeri dan Shah tidak merobohkan badan-badan agama. Kedua-dua pihak itu telah berkompromi: Khomeini berjaya menjadikan pergerakan politik dari pergerakan agama, dan juga mengaitkannya dengan golongan liberal, seperti Mehdi Bazargan, perdana menteri sulungnya. Antara faktor lain: sejarah Khomeini sebagai penentang Shah; sifat anti-komunisnya; wawancaranya semasa dalam buangan di Paris. Tetapi pergerakan Khomeini sentiasa mempunyai sifat reaksionernya.

FH: Apa yang membezakan Islam menurut sdr. daripada Khomeini? Anda juga menuntut republik Islam di Iran, tetapi apakah rakyat Iran sudah terkelim dengan politik Islam? Apakah anda membawa diktator Islam yang baru jika berjaya mengambil kuasa?

MR: Kami tidak menganggap Khomeini itu sebagai Imam ataupun sebagai umat Islam tulen. Dia adalah seorang pembunuh dan *mushrik*. Apakah seorang Islam tulen membenarkan kanak-kanak perempuan dibunuh? Pertentangan antara kami dengan Khomeini berpunca dari akar-umbi Islam sendiri: tafsirannya beku, purba dan menentang sains. Islam yang kami menuntut menentang imperialis dan bersifat demokratik, maju dan tidak bertentangan dengan sains dan kemajuan. Kami percaya bahawa tiada percanggahan antara sains moden dan Islam yang sebenar, dan kami percaya bahawa Islam tidak membenarkan paksaan atau penindasan. Kami percaya umat Islam patut memimpin — tetapi mereka tidak patut memaksa.

FH: Tetapi sesuatu pergerakan politik yang berasaskan sebuah kitab yang kononnya suci semestinya akan menindas dan melarang pemikiran yang bebas dan demokratik.

MR: Dalam Islam, seperti dalam marxisma, sentiasa terdapat beberapa tafsiran. Marxisma hanya ujud sejak 1848, tetapi sudah mempunyai banyak perselisihan dalamnya. Islam sudah ujud selama lebih dari 14 abad. Tafsiran-tafsiran berlainan ini bergantung kepada keadaan-keadaan sosial dan sejarah yang tertentu. Kami menekankan konsep *tauhid* dan menegaskan warisan 'mazhab Shia', yang membawa kepada masyarakat tanpa penindasan dan kezaliman.

Tujuannya jelas, tetapi harus didekati langkah demi langkah. Allah tidak memberi jawapan kepada semua masalah kita; hanya rangka. Apabila Nabi Musa pergi berjuang, ada antara mereka di kelilingnya yang mengatakan, jika Tuhan bermahakuasa, dia (Nabi Musa) boleh berjuang sendiri dan mereka akan ikut kemudian. Ini adalah tafsiran agama yang beku, dan kami menentang sifat Khomeini seperti ini. Tafsirannya terhadap al-Qur'an adalah *mechanical*; tetapi kami tidak membuat bodoh seperti Khomeini. Sebaliknya, kami tidak menganggap bahawa kami telah menemui *jalan ketiga* Islam. Kami tidak percaya kepada *jalan ketiga*. Kami adalah pengikut *jalan suhung*, menurut Nabi Mohammed (s.w.t.), Ali dan Hussein.

FH: Apa pula pendirian anda terhadap wanita? Al-Qur'an menegaskan kelebihan kaum lelaki atas kaum wanita dan anggota wanita Mojahidin terpaksa berpakaian Islam.

MR: Khomeini mendakwa saya telah menyamakan diri sebagai wanita apabila meninggalkan Iran: itu tidak benar, tetapi jika benar, saya tidak akan malu kerananya. Mengikut kami, lelaki dan wanita adalah sama dari segi Islam: surah

al-Qur'an yang anda sebutkan bukan wajib

Kami tidak memaksa wanita memakai *hejab* atau pakaian Islam. Tetapi *hejab* tidak merupakan tanda ketidaksamaan. Ia mencerminkan larangan al-Qur'an terhadap anggapan terhadap wanita sebagai objek. Dalam keadaan revolusi, pakaian mempunyai maksud khas.
FH: Mereka yang menentang anda memanggil anda *marxis Islam*. Apakah hubungan anda dengan marxisma?

MR: Ada dua perkara yang saya ingin jelaskan. Pertama, kami bukanlah marxis. Tetapi kami sanggup membincang dengan mereka. Imam yang keenam pernah

berbahas dengan golongan materialis di Kaaba. Kedua, kami tidak memihak kepada Uni Soviet. Kami bebas. Yang memihak kepada Uni Soviet di Iran ialah Parti Tudeh dan apa yang dipanggil Fedayi Majoriti: kumpulan-kumpulan ini tiada asas sosial dan terpaksa dapat perlindungan di bawah Khomeini. Kami mengutuk dasar-dasar mereka.
FH: Apakah anda cuba dapat sokongan dari luar?

MR: Salah satu sebab saya meninggalkan Iran adalah untuk memberitahu dunia mengenai apa yang sebenarnya berlaku di Iran, terutama sekali kepada Gerakan Berkecuali. Gerakan Berkecuali tidak patut menyokong seseorang yang membunuh orang setiap hari

sambil membeli senjata dari Israel.
FH: Perkara pokok dalam hubungan Iran dengan Gerakan itu ialah perang dengan Iraq. Kalau anda berkuasa, bagaimana anda akan menamatnya?

MR: Kami sentiasa menentang usaha Khomeini untuk mengekspot revolusi. Jika kami yang berkuasa dahulu, perang itu tak akan timbul. Khomeini bertanggungjawab atas kesan-kesan perang itu. Tetapi kami juga mengutuk Iraq atas pencerobohnya, ramai ahli kami sudah terkorban dalam perang itu. Kami sedia berdamai atas prinsip tidak bercampur dalam hal ehwal Iraq. Saya berharap Iraq juga bersedia dari segi ini, tetapi saya tidak yakin.

SEJARAH BARU DI GREECE

Munira

Dalam pilihanraya 19 Oktober lalu, rakyat Yunani telah memilih sebuah parti berhaluan kiri sebagai kerajaan baru. Parti Sosialis se Yunani (PASOK) yang dipimpin oleh Andreas Papandreou memenangi 174 kerusi parlimen dari jumlah 300 kerusi. Papandreou menjadi Perdana Menteri.

Keputusan pilihanraya ini adalah satu titik peralihan sejarah negara itu. Setakat ini, Yunani telah diperintah oleh rejim-rejim sayap kanan yang pro-Amerika, yang telah membiarkan keadaan melarat dan rasuah ujud. Nyatalah rakyatnya sudah marah dengan pemerintahan secara lama itu.

Dalam manifestonya, PASOK mencadangkan reformasi yang meluas dalam ekonomi dan pentadbiran. Di bidang antara-bangsa, ia akan mengurangkan lalu menutup semua pengkalan tentera AS di buminya dan akan menarik diri dari pakatan NATO. Alasannya ialah Uni Soviet tidak menjadi ancaman utama terhadap Yunani. Sebaliknya, negara Turki yang diraguinya, dan NATO lebih

memihak kepada Turki. Tuntutan PASOK ini telah membimbangkan pihak AS.

Masalah ekonomi Yunani kian rumit. Inflasi meningkat pada kadar 35%, pengangguran kepada 12-13%. Para pekerjanya tidak dapat berhijrah ke negeri-negeri Eropah lain untuk mencari nafkah oleh kerana sekatan imigresen yang baru dikenakan tidak lama dulu. Walaupun Yunani adalah sebuah negara Eropah, tarafnya ialah seperti negeri Dunia Ketiga: ia memerlukan kebebasan ekonomi dan politik daripada negara-negara kaya.

Dalam rancangan ekonominya, PASOK bercadang akan memilik-negarkan perusahaan perlombongan, perdagangan, kewangan, perkapalan, baja dan simen. Di bawah pemerintahan dulu, kaum buruh dinafikan kebebasan bergiat, sedangkan perkhidmatan kesihatan dan kebajikan diabaikan dan hak-hak demokrasi disekat.

Tetapi kerajaan Papandreou akan menggalakkan kesatuan buruh bergerak dan melibatkan diri dalam urusan pentadbiran; wang pinjaman

pula akan disediakan untuk pengusaha-pengusaha kecil seperti pekedai dan petani. Cukai perseorangan akan dilonggarkan dan kemudahan akan diberi untuk memasuki universiti.

Sokongan kepada PASOK telah bertambah dalam sepuluh tahun kebelakangan. Dalam pilihanraya 1974, ia mendapat undi sebanyak 12%, tetapi tahun ini undinya telah meningkat kepada 48%. Anggota PASOK melebihi 100,000 sekarang.

Perkembangan pengaruhnya adalah nyata sekali dalam kempen-kempen pilihanraya, di mana Papandreou disambut oleh beribu-ribu orang apabila ia berucap, termasuk di kawasan yang biasanya memilih calon sayap kanan.


Memandangkan sokongan yang meluas ini, jika pada suatu masa nanti, AS cuba menggulingkan kerajaan PASOK ini dengan menggunakan tentera Yunani sebagai alatnya, tidak mustahil kalau tercetusnya satu peperangan saudara di kalangan rakyatnya.

siri kartun-sambungan dari bulan lepas


DENGAN BERLAKUNYA REVOLUSI RUSIA



KAMAI PETANI DI PAKSA BEKERJA DI KILANG KILANG. PARA PEMIMPIN TIADA MASA UNTUK MENERANGKAN KEPADA RAKYAT MENGAPA TINDAKAN BEGITU PERLU DIAMBIL. RAMAI PETANI MERADANG TELAH BERTINDAK MEMBAKAR LADANG-LADANG DAN MEMBUNUH TERNAKAN MEREKA. MEREKA YANG MEMBANTAH DI PENJARAKAN DAN DI HUKUM BERAT.



DALAM PERANG DUNIA II, RUSIA SEKALI LAGI MENERIMA SERANGAN IMPERIALIS. NASIB BAIK JUGA IMPERIALIS TIDAK BERJAYA SEBALIKNYA ASKAR-ASKAR SOVIET TELAH BERJAYA MEMBEBASKAN BEBERAPA BUAH NEGARA EROPAH TIMUR DARI PENDUDUKAN NAZI DAN KAPITALIS. SERAMAI 20 JUTA RAKYAT SOVIET GUGUR DI MEDAN PERJUANGAN.



SETELAH PERANG TAMAT PEMIMPIN SOVIET MAHUKAN NEGARA-NEGARA TIMUR MEMBANTU MEREKA UNTUK MEMBANGUNKAN SATU BLOK YANG KUAT SETANDING DENGAN BLOK NEGARA KAPITALIS. BERMULA LAH SATU PERSAINGAN YANG HEBAT DI ANTARA PIHAK TIMUR DAN PIHAK BARAT, IA ITU 'PERANG DINGIN'. OLEH KERANA NEGARA-NEGARA EROPAH TIMUR LEMAH DAN MUSNAH DALAM PEPERANGAN, MAKA KEPIMPINAN SOVIET TELAH MEMBANTU MEREKA MEMBANGUNKAN SEMULA NEGARA MEREKA MENGIKUT GARIS PANDUAN YANG DI RESTUINYA.



SOVIET TELAH BERJAYA MEMBANGUNKAN SEBUAH NEGARA YANG KUAT DARI SEGI INDUSTRI DAN PERTAHANAN. IA MERUPAKAN SEBUAH NEGARA SOSIALIS YANG TERKEMUKA DI DUNIA. DI SAMPING ITU, SOVIET JUGA TELAH BERTAHUN-TAHUN MEMBERI SUMBANGAN NYA KEPADA PERGERAKAN REVOLUSIONER DI SELURUH DUNIA, TERUTAMA NYA DI KOREA DAN VIETNAM. NAMUN BEGITU, RAMAI PULA YANG BERPENDAPAT BAHAWA NEGARA SOVIET JUGA MEMPUNYAI KEPENTINGAN NYA SENDIRI DAN

SELALU MEMPERGUNAKAN PERGERAKAN PEMBEBASAN LAIN SEBAGAI ALAT UNTUK MENCAPAI KEPENTINGAN NYA SENDIRI; DAN RUSIA SENDIRI MULA BERGIAT SAPERTI NEGARA KAPITALIS LAIN DALAM USAHA NYA UNTUK MENCARI KEKAYAAN.

HANYA SEJARAH YANG DAPAT MEMBUKTIKAN SEMUA SANGKAAN INI, TAPI APA YANG JELAS KEPADA KITA SEKARANG IALAH BAHAWA PENYATUAN SEMUA RAKYAT JELATA DUNIA KETIKA ADA LAH PERLU UNTUK MENGALAHKAN KUASA-KUASA IMPERIALIS.



KOREA CUBA VIETNAM



REVOLUSI MELETUS DI CHINA, KOREA, ALBANIA
 CUBA, VIETNAM, KAMPUCHEA, LAOS, GUINE-BISSAU
 MOZAMBIQUE, ANGOLA, NICARAGUA DAN ZIMBABWE
 PETANI MISKIN DAN PEKERJA MENGANGKAT
 SENJATA BERJUANG UNTUK PEMBEBASAN MEREKA
 IMPERIALIS TIDAK MUDAH MENYERAH KALAH.
 PERANG RAKYAT BERPANJANGAN HINGGA
 5-10-20-30 TAHUN. BOM DAN TENTERA
 IMPERIALIS MEMBUNUH DAN MEMUSNAH DEMI
 MEMPERTAHANKAN KEPENTINGAN NYA. OLEH
 DEMIKIAN, RAKYAT JELATA MESTI LAH BERSATU
 DAN BEKERJASAMA. TANPA BANYAK SOKONGAN
 DARI LUAR, MEREKA TERPAKSA BERDIKARI
 DAN AKHIRNYA MEREKA BERTAYA MENGALAHKAN
 KUASA IMPERIALIS.

RAKYAT BERTAYA



CHINA

ALBANIA



KILANG TRAKTOR

KAMI BAWA KILANG - KILANG KE DESA SUPAYA RAKYAT TIDAK TERTUMPU KE BANDAR SAJA UNTUK MENCARI PEKERJAAN.

KAMI TELAH MEMUTUSKAN SUPAYA SAUDARA MASUK UNIVERSITI DAN MENGAMBIL JURUSAN KATI SAWAT MOTOR KERANA SAUDARA BERMINTA DALAM LAPANGAN TERSEBUT DAN SAUDARA ADALAH KAWAN SEPERJUANGAN YANG SUNGGUH SETIA.

WAH! ELOK LAH TU.

MAMAM MANA PEJABAT SEKARANG?

SEMUA ORANG TELAH MEMBERI SUMBANGAN BAGI MEMBEKALKAN NEGERI INI. SEKARANG PERLU LAH PULA DI AWASI SUPAYA GOLONGAN PIMPINAN PARTI DAN KESATUAN SEKERTA, PENTADBIR, PEMERINTAHAN DAN PERUSAHAAN SERTA JURUTEKNIK TIDAK MENGAMBIL ALIH KUASA UNTUK KEPENTINGAN MEREKA SENDIRI. KERANI DAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DI HANTAR BEKERJA DI KILANG, DAN LADANG UNTUK BEBERAPA WAKTU DALAM SETAHUN AGAR MEREKA TIDAK SOMBONG DAN MENGANGGAP BAHAWA MEREKA ADALAH DARI GOLONGAN TERBAH. UNIVERSITI DAN BADAN-BADAN LAIN TERBUKA UNTUK SEMUA PETANI DAN PEKERJA. PETANI-PETANI TIDAK PAYAH BEKHITRAH KE BANDAR-BANDAR BESAR UNTUK BEKERJA. KILANG-KILANG DI BINA DI PEKAN-PEKAN KECIL DAN KAMPONG-KAMPONG DIMANA RAKYAT TINGGAL.

KAMU KAPITANUS DALAM KETAKUTAN SAPERTI BIASA, TAPI....

ANAK NELAYAN DAN SOTONG TUA

anak nelayan
mengerti deru ombak
mengenali desah badai
memahami lompatan todak
walau gelombang dan taufan
sekata mengaramkan payangnya
berbekalkan sejuta kebenaran [
dan kegigihan darah pejuang
mesti tiba jua
ke pesisir pantai pusaka

akhirnya,
setelah gelombang
dan taufan reda
tenang bening
sotong tua
keseorangan
terdampar goyah
jari jarinya putus
tulangnya rapuh
kerana tewas
sebelum bertarung

anak nelayan
degil dan cekal
harungi lautan
bersama payang
biarpun dasarlaut
ada jari jari
rakus sotong tua
menggapai
megganas

anak nelayan
mencipta sejarah
sedang,
sotong tua
matinya,
tanpa kapan sejarah
tanpa pusara indah
tanpa bunga merah
tanpa airmata

**ARISEL BA
Teater Kotamas,
DPMP Raub, Pahang.**

Cinta Si Anak Tani

*Cintaku pada tani rumpun padi dan bendang
tersemai sejak ku kenal tenggala kerbau dan parang
Mendewasa dalam lumpur gumpalan haruan
Membesar dengan sambal-ulam ikan di parit jalan
dengan beras dari peloh dan luka petani
Melasak memejal dalam keluarga besar petani miskin.*

*Cintaku panas membara
pada petani miskin yang rajin bekerja
kerbau tenggala lambang daya-cipta
angin timur bawa berita bergema meresap jiwa
kehijauan hutan dan gunung mengukuh kekuatan remaja.*

*Cintaku menyala berapi
betapa nyata akan rupa hidup
petani yang rajin, turun-temurun hidup miskin memanjang
terus tercekik dengan harga hidup tak henti melambung
sesungguhnya mengajar kita mengerti ABC kehidupan
mengasuh kita berani menentu lawan
dalam sistem pemeras belaan penjajahan.*

*Petani miskin yang gagah perkasa
Kemiskinan kita bukan tentuan alam
tapi berakar berumbi dalam sistem pemeras sangat usang
yang tentu pasti tidak terlepas hukuman sejarah.*

*telah terbukti
sejarah petani gemilang terbilang
berpadu kekuatan bersama buruh yang luas
di merata dunia di tanahair ini
melawan penjajahan dan penindasan
memandu merubah mencipta sejarah baru.*

*Ayoh,
segenap tenaga muda yang cinta kebebasan
bersama petani buruh wanita pelajar berani
sebaris ganding bahu sehaluan
Kita hentakkan kekuatan
terus putarkan roda sejarah pembebasan!*

**Ali Si Anak Tani
Kg. Guar Gajah, Perlis.
5 Oktober 1980**

PERBICARAAN

M. A. Ismail

Beberapa orang polis kelihatan di luar bangunan mahkamah. Seorang magistrate muda baru sampai. Kemudian datang sebuah land-rover FRU. Dua orang Konstabel turun dari land-rover merah itu, diikuti kemudian oleh seorang pegawai berpangkat ASP.

Bila terpancang ASP itu, Redzuan yang berdiri di luar bangunan mahkamah, berkata dalam hati: "ASP inilah dulu yang menangkap aku."

Redzuan kemudian masuk ke dalam Dewan Perbicaraan. Dewan itu sepi dan lengang. Kerusi-kerusi kayu yang panjang-panjang tersusun teratur. Meja magistrate berdiri tinggi di hadapan. Sebuah kandang orang tertuduh di tengah-tengah. Ada meja-meja lain untuk peguambela, pendakwaraya dan kerani.

Di sebelah tepi, berhampiran dinding duduk tiga orang pemberita akhbar. Mereka memandangi ketika Redzuan masuk.

Bagi Redzuan ini adalah pengalaman pertama ia dibicarakan. Ia merasa excited.

Kurang lima belas minit pukul sembilan, peguambela sampai. Selepas menemui Redzuan seketika, ia mengambil tempatnya di hadapan. Begitu juga dengan DPP dan kerani mahkamah yang tiba kemudiannya.

Sejurus kemudian teriakan kuat dari mulut seorang polis. "Bangun!" jeritnya. Dan semua orang serentak bangun. Pada ketika itu magistrate yang muda tadi mengambil tempatnya.

Perbicaraan pun bermula. Nama Redzuan di panggil. Redzuan bangun. Ia kemudian masuk ke dalam kandang di tengah dewan — berdiri.

Tuduhan ke atasnya dibacakan oleh seorang kerani mahkamah.

"Kamu, Redzuan bin Mohammad telah mengambil bahagian dalam satu perhimpunan haram pada Ogos di jalan AB pada kira-kira pukul 4.30 petang mengaku salah atau tidak?"

"Tidak," jawab Redzuan tegas. Kemudian ia dibenarkan duduk.

Timbalan Pendakwa Raya (DPP) bangun. Selepas membuat ucapan ringkas, ia meminta kebenaran magistrate untuk mengemukakan saksi-saksinya.

Saksi yang pertama — OCPD bandar K, seorang Melayu berumur 45 tahun. Dalam keterangannya, OCPD itu berkata: "Saya tidak ada mengeluarkan sebarang permit untuk membenarkan sebarang perarakan atau perhimpunan pada hari itu"

Redzuan mencebikkan bibirnya. Matanya tajam

memandangi OCPD itu. Dalam hati, ia merungut: "Hendak berhimpun secara aman juga perlukan permit?"

Saksi kedua pula di panggil. Kali ini ASP dari Unit Simpanan Persekutuan (FRU), seorang Cina berbadan tegas memberikan keterangan.

ASP itu mengerling ke arah Redzuan. Redzuan membalas pandangan itu dengan berani.

DPP bangun memulakan pertanyaan.

"Di mana awak berada pada 20hb Ogos . . . , kira-kira pukul 4.30 petang?"

"Waktu itu saya sedang bertugas," jawab ASP itu dengan gaya yang bersungguh-sungguh. "Saya mengawal satu perhimpunan yang diadakan di depan bangunan Sekretariat," suara ASP itu jelas dan yakin.

"Berapa ramai orang berhimpun di situ?"

"Lebih dua ratus orang."

"Apakah kamu tahu perhimpunan itu haram?"

"Ya, saya menyedarinya."

"Apa yang kamu lakukan waktu itu?"

"Saya cuba menyuraikan perhimpunan itu dengan baik tapi gagal."

"Adakah kamu tahu kenapa orang ramai berhimpun di depan bangunan sekretariat itu?"

"Mereka hendak menemui Menteri Besar"

"Siapa mereka itu?"

"Setinggalan-setinggalan"

"Kenapa mereka hendak menemui Menteri Besar?"

ASP itu berfikir seketika. Kemudian menjawab, "Saya difahamkan . . . rumah mereka telah dirobuhkan"

Redzuan tersenyum mendengar jawapan ASP itu. Senyum dibibirnya seperti mengejek. Bagaimana ASP itu boleh berkata, "Saya difahamkan?" Soal Redzuan dalam hati, sedangkan ASP itu sama-sama menyaksikan tindakan meroboh rumah-rumah setinggalan itu?

Pertama kali Redzuan menyedari sendiri bahawa dalam mahkamah juga orang bercakap bohong.

"Bagaimana keadaan perhimpunan itu?" tanya DPP lagi.

"Mula-mula ia agak terkawal . . . tetapi semakin petang keadaan mula tak terkawal."

"Adakah kamu nampak yang tertuduh waktu itu?"

ASP memandangi Redzuan.

"Ya, saya nampak . . ."

"Bolehkah kamu mengemukakan mukanya?"

"Boleh . . . itu dia!" tunjuk ASP itu. Matanya dan mata Redzuan sekali lagi bertentang.

"Kenapa kamu memerintahkan supaya yang dituduh

ditangkap?"

"Pada hemat saya . . . dia adalah ketua." Jawab ASP serius.

"Boleh kamu terangkan apa yang dilakukan oleh yang dituduh waktu itu?"

"Ia cuba menimbulkan huru-hara," jawab ASP ringkas. "Dan ia juga cuba menghasut orang ramai . . ."

Redzuan mendengar jawapan ASP itu dengan hati yang marah. Mukanya jadi merah. Tapi ia masih menguasai dirinya.

DPP bertanya lagi.

"Menghasut macam mana?" soal DPP.

"Yang tertuduh telah membuat ucapan yang panjang . . . dan ucapannya jelas bertujuan jahat."

"Apa yang ia ucapkan?"

DPP semakin mendesak. Redzuan menyedari ia sedang cuba diperangkap. Ia juga menyedari bahawa soalan-soalan DPP itu berbahaya.

Dan ASP itu menjawab. Suaranya tinggi.

"Si tertuduh mengatakan bahawa Kerajaan negeri ini zalim dan tidak adil!" Perkataan zalim dan tidak adil itu jelas bergema dalam Dewan Perbicaraan itu.

Selepas beberapa soalan lagi, DPP pun duduk. Tiba giliran peguambela pula membuat soalan balas.

"Bagaimana kamu tahu yang tertuduh ini sebagai ketua perhimpunan itu?" tanya peguambela dengan nada keras.

"Sebab yang tertuduh ialah seorang mahasiswa," jawab ASP, tenang dan bersahaja.

"Kerana ia mahasiswa maka kamu membuat andaian ia bertindak sebagai ketua?" Desak peguambela.

"Ya . . ." Jawab ASP tegas. "Dia bertindak sebagai ketua waktu itu . . . dia yang paling banyak bercakap dan memberi arahan. Dan dialah orangnya yang menyeru supaya orang ramai berarak!"

"Tetapi bagaimana kamu tahu yang tertuduh seorang mahasiswa?"

"Saya mendapat maklumat dari sumber-sumber tertentu . . ."

"Siapa yang kamu maksudkan sumber-sumber tertentu itu?" tekan peguambela.

ASP kelihatan keberatan menjawab. Tetapi peguambela mendesak terus.

"Special Branch". Jawab ASP itu, terpaksa.

"Kamu pernah menemui yang tertuduh sebelum hari itu?"

"Tidak."

"Adakah kamu memberitahu kepada yang tertuduh bahawa perhimpunan itu tiada permit?"

"Ada . . . tetapi ia enggan menurut perintah saya."

"Apa perintah awak?"

"Saya menasihatkannya supaya meninggalkan kawasan itu."

"Tetapi adakah yang dituduh cuba melakukan sesuatu yang boleh disifatkan sebagai tindakan kekerasan?"

"Pada pendapat saya," jelas ASP, dengan teragak-agak kali ini, "yang tertuduh berkesanggupan melakukan kekerasan . . ."

Mendengar kata-kata itu, Redzuan semakin gelisah. Tidak pernah dalam hidupnya, watak dan peribadinya dibahas dan dianalisa sedemikian rupa.

"Tapi adakah yang tertuduh telah buat apa-apa perbuatan kekerasan?" tanya peguambela lagi dengan suara lantang.

Orang ramai dalam mahkamah itu serius mendengar soal jawab tersebut.

"Tidak" jawab ASP, terhadap soalan peguambela itu.

"Jadi apa yang si tertuduh lakukan sepanjang yang kamu nampak?"

"Ia hanya bercakap . . . maksud saya, berucap." ASP kelihatan tergamam. Jawapannya kurang lancar. Tidak seperti mula-mula.

"Adakah kerana hanya berucap, kamu berpendapat yang tertuduh itu berbahaya?" tekan peguambela.

"Ucapannya itulah yang berbahaya."

"Kenapa ucapannya dikatakan bahaya?"

"Kerana ia mengutuk Kerajaan!"

"Mengutuk Kerajaan? Apa maksud kamu?"

"Yang tertuduh mendakwa bahawa Kerajaan negeri ini zalim dan tidak adil!"

"Apakah benar ia berkata begitu?" desak peguambela.

"Benar."

"Awak tidak berbohong?"

"Tidak."

"Tetapi adakah kamu tahu mengapa ia berkata begitu?"

"Saya tidak tahu . . ."

"Tapi adakah kamu tahu rumah-rumah setingan itu telah dirobohkan?"

"Saya tahu . . ."

"Tidakkah ucapan si tertuduh itu ada kaitan dengan soal itu?"

"Saya tidak tahu . . ."

"Tadi kamu kata, kamu mendengar ucapan yang tertuduh. Tentu kamu tahu apa perkara yang ia ucapkan."

"Saya tidak dapat mendengar sepenuhnya," jawab ASP. Suaranya menggambarkan keresahan.

Peguambela mendesak terus.

"Jadi kamu hanya dengar bila ia berkata Kerajaan zalim, Kerajaan tidak adil . . . itu saja? Yang lain kamu tak dengar?"

Soalan peguambela menyebabkan beberapa orang dalam Dewan Perbicaraan itu ketawa.

Dan Redzuan merasa lega.

Tetapi ASP itu tetap menjawab. "Yang tertuduh," katanya dengan nada yang mendatar, "telah menyeru orang ramai berarak. Kita mesti tentang kekejaman ini," katanya. "Mari kita berarak!" katanya lagi.

"Lantas kamu menangkapnya?"

"Ya . . ."

Selepas soalan itu, peguambela tidak menyoal lagi.

ASP turun dari tempat ia bercakap. Ia mengundurkan diri, menunduk hormat pada magistrate dan kemudian keluar dari Dewan Perbicaraan.

Perbicaraan diteruskan. Saksi ketiga seorang konstable FRU.

Selepas konstable itu menyampaikan keterangannya, maka magistrate mengumumkan bahawa perbicaraan ditangguhkan.

Redzuan keluar dari kandang. Peguambela datang menemuinya, kemudian mereka keluar dari bangunan mahkamah itu bersama.

Pukul dua, perbicaraan disambung semula.

Peguambela mengemukakan seorang saja saksinya.

Saksi itu seorang ibu berumur 50 tahun, seorang setingan yang rumahnya telah dirobuhkan.

Selepas mengangkat sumpah, perempuan itu disoal oleh peguambela.

"Adakah kamu nampak yang tertuduh pada petang itu?"

"Saya nampak" jawab perempuan itu, dengan suara yang takut-takut.

"Apakah yang ia lakukan waktu itu?"

"Ia tidak berbuat apa-apa . . ."

"Adakah kamu nampak ia memberi ucapan?"

"Ya . . . saya nampak."

"Adakah orang lain juga memberi ucapan?"

"Ada . . . ramai."

"Kamu dengar apa yang diucapkannya?"

Perempuan itu serbasalah. Ia tak tahu apa yang harus dijawabnya. Ia takut jawapannya nanti akan menyusahkan Redzuan.

"Boleh terangkan apa yang diucapkan oleh yang tertuduh?" pinta peguambela.

"Ia hanya menyatakan simpati pada kami kawan setingan-setingan . . . sebab rumah kami dirobuhkan."

"Adakah kamu berpendapat bahawa yang tertuduh cuba menghasut orang ramai supaya menentang Kerajaan?"

"Tidak."

"Kamu tahu dia seorang mahasiswa?"

"Saya tahu," jawab perempuan itu dengan jujur.

"Bila mula-mula kamu melihatnya?" soal peguam lagi.

"Di hari rumah-rumah kami dirobuhkan."

"Apa yang ia lakukan?"

Perempuan itu sekali lagi serba salah. Tetapi Peguambela meminta perempuan itu bercakap terus terang.

"Dia . . . bersama-sama kami semua cuba

mempertahankan rumah-rumah kami dari dirobuhkan." Akhirnya, perempuan itu menjawab juga.

"Adakah kamu setuju dengan tuduhan bahawa ia cuba menimbulkan huru-hara?"

"Tidak. Dia seorang yang baik. Dia cuba menolong kami."

Redzuan menarik nafas. Kata-kata perempuan itu menyentuh hatinya.

Saksi itu kemudian disoal balas oleh DPP. Apabila tamat, peguambela dan DPP — menggulung hujah masing-masing.

Selepas itu magistrate mengarahkan supaya Redzuan tampil ke depan membuat pembelaan diri.

Mula-mula peguambela menyoal. Selepas itu di soal pula oleh DPP.

"Apakah benar kamu seorang mahasiswa?" tanya DPP.

"Benar."

"Apa tujuan kamu berada di depan bangunan sekretariat petang itu?"

"Benarkah awak ada membuat ucapan di depan bangunan Sekretariat itu?"

"Saya ingin menyaksikan perhimpunan setingan-setingan di situ . . ."

"Benar."

"Apa yang awak ucapkan?"

"Saya cuba memberitahu bahawa Kerajaan telah mengambil tindakan sewenang-wenang ke atas setingan-setingan itu . . ."

"Kenapa kamu terlalu mengambil berat terhadap mereka?"

"Mereka orang miskin. Dan saya simpati," jawab Redzuan ringkas.

"Apakah benar kamu ada membuat ucapan yang menghasut?"

"Tidak." jawab Redzuan. Ia mula resah. Ia tahu DPP akan mendesak terus.

"Adakah kamu ada berkata bahawa Kerajaan negeri ini zalim dan tidak adil?"

Redzuan semakin serba-salah. Apa yang mesti ia jawab, fikirnya. Mengaku atau menafikan?

Bercakap terus terang, akan hanya menimbulkan kesusahan nanti. Berkata tidak, bermakna ia berbohong. Mana satu mesti dijawab?

DPP mendesak terus. "Adakah kamu ada berkata bahawa Kerajaan negeri kita zalim dan tidak adil?"

Suara DPP lantang. Mahkamah senyap sunyi. Semua orang memasang telinga, mahu mendengar jawapan Redzuan.

Redzuan resah benar. Dia tidak berani memandangi sesiapa. Ia tunduk seketika.

(sambungan di m.s. 19)

KARYA DOA SELAMAT

Mengenal Kedudukan Wanita

Dalam Masyarakat Feudal

Li Er

Lu Xun adalah seorang tokoh sasterawan yang terkenal selepas *Kempen Budaya Baru—4hb. Mei 1919* di China. Setakat ini, nama harumnya masih disanjung tinggi kerana mutu karya ciptaannya amat di hormati. Salah sebuah cerpeunya yang masyhur ialah *Doa Selamat* (terjemahan Inggerisnya ialah *New Year Sacrifice* Cerpen ini telah pun disunting tidak lama dulu menjadi sebuah filem.

Tema Cerpen/Filem

Tema cerpen ini menceritakan pengalaman malang seorang wanita, namanya Kak Xiang Lin. Kak Xiang Lin merupakan imej wanita tertindas yang hidup dalam masyarakat feudal; riwayat hidupnya membayangkan riwayat hidup yang dialami oleh wanita dalam masyarakat silam itu.

Pada permulaan cerpen ini, penulis menceritakan pertemuannya dengan seorang wanita uzur, Kak Xiang Lin merayau-rayau di pekan meminta sedekah. Beberapa hari kemudian, penulis mendapati Kak Xiang Lin sudah meninggal dunia di tepi jalan pada satu malam yang begitu sejuk dan sunyi sedangkan ketika itu orang ramai sedang sibuk menyambut Tahun Baru di rumah masing-masing yang penuh dengan makanan dan suasana meriah.

Kuasa Suami

Dalam cerpen ini, penulis meni-

tikberatkan beberapa aspek yang penting untuk mencerminkan secara keseluruhan keadaan hidup wanita, iaitu kuasa suami dan keluarganya terhadap seseorang isteri, yang dianggap sebagai makhluk yang rendah. Mereka dihina, dikeji dan ditindas oleh pelbagai cara yang tidak dapat terhitung beratnya.

Selepas kematian suaminya, seorang balu masih dianggap sebagai harta keluarga bekas suaminya. Misalnya, setelah Xiang Lin dapat tahu ia akan dijual kepada seorang lelaki, ia telah melarikan diri ke sebuah bandar dan bekerja di situ sebagai seorang suruhan.

Mas Kahwin

Tetapi, keluarga bekas suaminya masih sanggup menculikkannya dan terus memaksakannya berkahwin dengan seorang lelaki yang sanggup membayar maskahwin yang lumayan kepada mereka. Sebenarnya suami kedua yang tinggal di tempat terpencil itu bukanlah orang kaya. Untuk membayar balik hutang maskahwin yang dipinjamkan, dengan faedah yang begitu tinggi, mereka terpaksa bekerja bersungguh-sungguh dan berjimat cermat tetapi faedah masih meningkat dan akhirnya suami keduanya pun meninggal dunia.

Pada satu ketika masa yang kecuaihan, cahaya mata merekapun telah dibunuh anjing serigala. Tragedi-tragedi yang dialaminya berturut-turut itu menjadikan Kak Xiang Lin



Lu Hsun

hampir-hampir gila.

Kepercayaan

Bila ia balik kerja semula dengan bekas majikannya, dia dilarang menyertai persediaan upacara persembahan kepada Tuhan untuk berdoa selamat atas alasan kehinaannya (sebab dia berkahwin dua kali) dan nasib sialnya (kedua-dua suaminya mati jua). Di sini, kita dapati kepercayaan kepada Tuhan telah diseleweng-lewengkan dan diperalatkan untuk tujuan tertentu

oleh golongan penindas. Kak Xiang Lin pula sebagai seorang yang kurang berpengetahuan dan senang dipengaruhi orang lain, percaya bahawa dengan menyumbangkan sejumlah wang sebanyak gaji setahunnya kepada tokong, segala 'dosa'nya akan diampuni Tuhan.

Malangnya, sekali lagi ia dilarang menyertai persediaan upacara persembahan kepada Tuhan untuk berdoa selamat dalam rumah majikannya. Kejadian ini menghapuskan segala keyakinan diri sendiri bagi Kak Xiang Lin hingga ia tidak berupaya bekerja lagi dan terus menjadi pengemis hingga mati.

Imej Wanita Yang Sengsara

Cerpen ini telah berjaya menonjolkan imej wanita yang sengsara. Penulis sungguh berjaya menggam-

barkan perhubungan antara manusia dan suasana yang menyedihkan dalam masyarakat feudal. Misalnya, pengalaman malang Kak Xiang Lin tidak dikhuatiri orang langsung. Dengan secara langsung atau tidak langsung, lambat laun, Kak Xiang Linpun dipijak oleh masyarakat feudal ke arah ajal sehingga ia ditelan terus.

Dengan penanya, Lu Xun cuba menyoroti ketidak-perimanusiaan masyarakat feudal dan mengutukkannya dengan seberapa tajam yang boleh, melalui pengalaman malang yang ditimpai oleh Kak Xian Lin. Malahan sifat masyarakat feudal ini bukan hanya merupakan ciri Negeri China, Tetapi juga mencerminkan unsur feudal yang terdapat di negeri-negeri lain, khususnya yang berkaitan dengan kedudukan wanita. **NI**



KEMUNCULAN SILAT MODEN

S. I. Chu

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, persatuan seni silat telah tumbuh bagai cendawan di seluruh negeri. Dalam beberapa tahun sekarang ini terdapat lebih kurang 200,000 orang ahli persatuan-persatuan tersebut. Walaupun jumlah penduduk Melayu di Singapura sangat kecil, terdapat juga lebih kurang 14 buah persatuan seni silat di negeri itu. Bendahari pertubuhan seni silat Singapura, Jaafar bin Hj. Yaacob mengatakan bahawa seni mempertahankan diri kini sedang pesat berkembang di republik itu. "Saya sendiri terkejut dengan minat yang ditimbulkan . . . orang muda seolah-olah berkumpul untuk mengeratkan persahabatan di persatuan tersebut" katanya lagi.

Seni silat tidak selalu terbuka kepada rakyat biasa. Malah, dalam beberapa abad yang lalu, silat hanya diturunkan kepada segolongan kecil elit yang mematuhi pantang larang pengasasnya, Adi Putera. Menurut cerita, Adi Putera adalah seorang

yang alim dan berasal dari Gunung Ledang. Menurut ahli-ahli sejarah tempatan pula, beliau mempunyai kecenderungan untuk berseorangan dan mengisikan masanya dengan bertapa dan mengerjakan amal ibadat di dalam gua. Tidak siapa pun yang mengetahui bagaimana Adi Putera mereka, bermacam bentuk dan gaya silat. Tetapi apa yang diketahui ialah beliau telah menurunkan ilmu silatnya kepada Hang Tuah. Hang Tuah dan lima saudaranya dikatakan telah mengajar ilmu silat itu kepada pahlawan-pahlawan Melayu dan melalui seni silat telah tersebar dalam masyarakat Melayu di seluruh Nusantara (termasuk Indonesia, selatan Thailand, Singapura dan Mindanao di Filipina).

Walaupun ilmu silat telah berkembang lebih lanjut lagi sejak zaman Adi Putera, namun ahli-ahli silat hari ini masih tidak melupakan dua matlamat utama yang ditetapkan oleh Mahaguru mereka, iaitu:

untuk meninggikan nilai-nilai hidup rohani dan menjaga kesihatan tubuh badan mereka. Untuk mencapai matlamat kedua itu, ahli-ahli silat moden telah mengikuti peraturan latihan yang keras. Selalunya seorang pelatih akan mengambil masa selama tiga bulan untuk mempelajari langkah asas silat dan memerlukan kira-kira 9 tahun lagi untuk menjadi mahir dengan berbagai langkah silat. Peringkat pencapaian dalam ilmu silat adalah serupa dengan karate iaitu: permulaan memakai tali pinggang putih, kemudiannya meningkat kepada merah, kuning dan akhir sekali hitam. Gaya pergerakan silat yang beratus-ratus itu, diajari oleh mahaguru-mahaguru. Biasanya seorang mahaguru itu adalah seorang tua yang dihormati kerana ilmunya.

Walaupun peminat-peminat silat hari ini lebih menitikberatkan aspek mempertahankan diri dalam seni silat tetapi mahaguru mereka tidak

membenarkan mereka mengene-
pikan soal kerohanian. Para pelatih
ilmu silat diberitahu bahawa mere-
ka boleh menerima kuasa yang
membolehkan mereka menyembuh-
kan penyakit, menahan ujian api
dan tetakan pisau dan boleh terus
hidup walaupun ditanam dalam
bumi untuk beberapa jam. Se-
tengahnya pula boleh memberhen-
tikan hujan dan berpuasa berbulan-
bulan tanpa minuman dan
makanan.

Kebanyakan persatuan silat
Malaysia mengelakkan publisiti
mengenai aspek kuasa ghaib seni
silat kerana tidak mahu orang ramai
tersalah anggap. "Sebagai orang
Islam kami tidak boleh melibatkan
dengan ilmu sihir" terang Mukhtar
Affandi Mohammad, seorang maha-
guru dan Presiden Kelab Geraksuci
di negeri Selangor.

Mukhtar Affandi seterusnya
mengatakan bahawa Adi Putera
sendiri adalah seorang Islam yang

sangat alim dan telah mengambil
ajaran-ajaran dalam menentukan
pantang larang ilmu silat. Kebanya-
kan upacara silat adalah untuk
menguji ketabahan hati pelatih-
pelatih dan tidak lebih dari itu,
tambahnya lagi. "Untuk melakukan
ujian ini mereka hendaklah menum-
pukan perhatian penuh mereka ke
atas perkara itu dan disertai dengan
membaca doa. Seseorang itu tidak
boleh membiarkan dirinya menjadi
tidak sedar diri".

buku

SUHARTO'S INDONESIA

by Hamish MacDonald, Fontana Collins, Victoria, Australia, A\$5.95

Hamish McDonald adalah
wartawan Australia yang pertama
diperintahkan meninggalkan
Indonesia dibawah tekanan pihak
berkuasa negeri itu. Setelah ia
meninggalkan Indonesia dalam
tahun 1978, penggantinya, Peter
Rodgers, yang juga menulis untuk
kumpulan akhbar harian dan
mingguan yang sama, telah juga
menerima perintah yang serupa.

Buku McDonald ini sama sekali
tidak akan dapat meyakinkan pihak
berkuasa Indonesia bahawa mereka
telah tersilap apabila memerintah-
nya keluar dari negara itu.
Sungguhpun buku ini bukanlah
merupakan satu kritikan terhadap
pentadbiran Suharto di Indonesia,
namun ia mempunyai penerangan
yang lebih dari cukup untuk
memastikan yang ianya tidak boleh
diedarkan di Indonesia.

Sebahagian besar buku ini
dipenuhi dengan kisah riwayat hidup
Suharto serta sekutu-sekutunya
yang membantunya ke puncak
kekuasaan sejak akhir tahun
1950an. Pada masa itu, mereka
bersama-sama telah menjalankan
perniagaan yang sangat menguntung-
kan di Jawa Tengah di mana Suharto
memegang Jawatan Panglima
Ketumbukan Diponegoro.



Peter Rodgers

Dalam tahun 1959, Suharto
"telah didapati terlibat dalam
penyeludupan gula dan barang-
barang lain". Tetapi, dia telah
diselamatkan dari pendedahan
umum dan pendakwaan oleh Jeneral
Nasution dan secara senyap-senyap
telah dilucutkan dari jawatan
Panglima. Dia kemudiannya telah
ditempatkan sebagai pegawai
Maktab Turus Tentera di Bandung.
Menurut McDonald, disinilah
Suharto mula menjalin hubungan
rapat dengan kumpulan ahli-ahli
ekonomi (dikenali sebagai "Berkeley
Mafia") yang telah berkhidmat
kepadanya dengan baik sejak ia
mula berkuasa pada tahun 1966.

Penerangan McDonald tentang
cara Suharto menggunakan
'perlembagaan' untuk menyingkir-
kan Sukarno dari kekuasaan tidak
mengemukakan sesuatu yang baru
dari apa yang terdapat dalam buku
berbentuk lapuran kewartawanan
yang lain seperti buku *An
Indonesian Tragedy* yang ditulis oleh
Brian May. Tetapi dijuga tidak
menerima dengan membuta tuli
sahaja lapuran oleh pihak tentera
tentang perkara-perkara yang
berlaku dalam bulan Oktober 1965,
sebaliknya ia telah merujuk dengan
agak meluas dari sumber-sumber
lain tentang peristiwa itu,
terutamanya dari "Cornell Paper"
oleh Ruth McVery dan Ben
Anderson serta tulisan-tulisan lain.
Walaupun begitu, pembaca merasa
agak hairan kenapa McDonald
masih menamakan peristiwa itu
sebagai "Percubaan Rampasankuasa
Untung."

Bab mengenai Timur Timor
mengandungi beberapa petikan
penting dari akhbar-akhbar
Indonesia, seperti amaran dari
akhbar harian angkatan tentera,
Berita Yudha, dalam bulan Ogos
1974 yang menyatakan bahawa
'hak untuk menentukan nasib
sendiri' tidak dapat dipisahkan

dari "strategi dunia umum". Bab ini juga memberikan satu kajian yang amat menarik tentang taktik yang digunakan oleh Ali Murtopo dalam siri rundingannya dengan pihak berkuasa Portugal.

Nama-nama orang-orang yang menyertai "gerakan khas" Murtopo itu juga diberi dan campurtangan mereka dalam pergolakan politik Timor Timur telah dibentangkan dengan jelas. Dia juga telah mendedahkan satu perkara yang menarik iaitu mengenai Amerika Syarikat (AS) merestui keputusan Indonesia menyerang Timor Timur. Ia menerangkan bagaimana AS mengetahui tentang rancangan serangan itu, yang pada asalnya dijadualkan pada 5hb Disember 1975, iaitu pada hari Presiden Ford dan Setiausaha Negara Henry Kissinger dijadualkan tiba di Jakarta untuk lawatan negara.

"Pegawai-pegawai perisik A.S. mengetahui tentang masa serangan ini dan berjaya mendesak supaya gerakan itu ditunda sehingga Presiden Ford meninggalkan Indonesia pada 6hb Disember. Di Jakarta, Kissinger tidak membuat sebarang bantahan terhadap campurtangan itu dan menyatakan bahawa Indonesia telah melakukannya dengan 'cepat, cekap dan tidak menggunakan alat-alat kami.'" (Dia merasa kesal atas pujiannya ini).

Buku *Suharto's Indonesia* ini sebenarnya hanyalah catitan kewartawanan yang tidak mempunyai analisa yang teliti. Usaha pengkajian yang mendalam yang menggunakan imej wayangnya untuk mengawal semua pembangkang yang cuba menghalangnya untuk mencapai kekuasaan.

Bab yang paling lemah sekali ialah bab mengenai ekonomi. Ketika menerangkan gerakan membantu yang dibuat oleh kuasa-kuasa Barat untuk mengkaji semula bayaran hutang-hutang luar negeri Indonesia, beliau telah gagal untuk menerangkan perkara penting yang

dituntut dan Indonesia sebelum gerakan ini dapat dimulakan dengan licin iaitu pembatalan keatas kawalan perdagangan luar negeri dan penguatkuasaan Undang-Undang Pelaburan Asing yang hanya terdapat dibahagian permulaannya bila McDonald cuba menceritakan pengaruh mistik kepada Suharto.

Tidak ada siapa yang dapat menafikan yang mistik adalah sebahagian dari sifat Suharto. Tetapi, percubaan untuk membandingkan Suharto dengan Dewa Semar, ketua dewa lawak dalam wayang Jawa, ada tidak menasabah dan hanya menunjukkan bagaimana orang telah terbawa-bawa oleh Suharto menguntungkan pemodal asing.

Bab mengenai tahanan Politik memberikan beberapa keterangan tambahan yang berguna mengenai Pulau Buru yang telah dilawati oleh McDonald dalam tahun 1977. Terdapat juga maklumat yang mengesahkan lagi berlakunya beberapa pembunuhan beramai-ramai selepas peristiwa 30 September, 1965. Kenyataan Pramoedya Ananta Toer yang menceritakan secara terperinci bagaimana perpustakaan dan dokumentasi sejarahnya telah di pindahkan dari rumahnya juga terdapat dalam bab ini. Kenyataan Pramoedya itu menyangkal lapuran yang menyatakan bahawa perpustakaan itu dimusnahkan oleh orang-orang yang menyerang rumahnya sebelum ia ditangkap. Dalam lain perkataan, serangan ke atas perpustakaan Pramoedya itu adalah satu bentuk keganasan yang sengaja dilakukan oleh pihak berkuasa tentera.

Bahan-bahan yang disebut di atas menjadikan buku ini sebagai satu buku yang patut diperolehi. Namun demikian, penulisan yang baik mengenai peranan Suharto di Indonesia masih lagi dinanti-nantikan.

buku

"THE POLITICAL ECONOMY OF HEALTH"

By Lesley Doyal

with Imogen

Pennell South End Press,
Boston,

360 pages, \$6.50, paper.

One important measure of an economic system is how well it meets the basic human needs of its people.

Two new books, provide an invaluable service in describing and analyzing how one such need — health — and the response to it — health and medical care — developed under capitalism.

E. Richard Brown's "Rockefeller Medicine Men", is the less ambitious and original of the two. As its subtitle promises; it charts "the interwoven history of modern medicine and corporate capitalism" from the rise of industrialism in the 19th Century to the present.

Brown's thesis is "that the many groups and forces that shaped the medical system showed the seeds of the crisis we now face" and that "the medical profession and other medical interest groups each tried to make medicine serve their own narrow economic and social interests."

Relying heavily on papers from the Rockefeller Foundation and other philanthropic institutions, Brown shows how the ruling class deliberately set out to control medical response to increasing working class demands.

For example, the concept of "philanthropy" was developed as a way of responding to the moral questions raised by capitalism while preserving the prevailing economic social and political system. At the same time, universities and institutes were developed to serve

capitalism's need for technical expertise and industrial and social management.

Brown shows how the charitable, scientific and practical aspects of response to illness all served to meet enough of the workers' needs to avoid revolt, while even more strongly reinforcing existing class relations through social and technical manipulation.

In this conclusion, Brown draws out the lesson of his research: that under capitalism, the needs of capital and labour will be in constant conflict, with capital making compromises which preserve the ruling class's economic and ideological hegemony.

Lesley Doyal's analysis of "The Political Economy of Health" begins where Brown leaves off. While Brown thoroughly analyzes the development of U.S. health care, his focus and analytical frame of reference is relatively narrow. Doyal, on the other hand, sets herself no such analytical limits. Hers is an ambitious study of the totality of health and healthcare under capitalism, economically, politically, socially and culturally.

Commanding a good understanding of how cultural and sexual experiences are moulded by economic and political structures, Doyal broadly synthesizes and integrates the findings of many disciplines, while providing factual data on virtually every level from nutrition to sexuality to the effects of imperialism.

Doyal starts by defining her subject as encompassing first "the social production of health and illness" under capitalism, and then "the social production of medical care" as a response. She traces these ideas through the development of British capitalism, including the National Health Service, and through the extension of British capitalism to the underdeveloped third world countries using as an

example, the effects of imperialism in East Africa.

Within this historic context, Doyal's analysis is illuminating. For example, she carefully explains, and rejects, two overly simple views of the relationship between the development of capitalism and modern technology: the early view which saw technology as independent of ideology and so politically neutral and view of thinkers like Ivan Illich, who believe technology to be totally a function of industrial capitalism and so completely reject it.

Doyal's view is to seek a "critical understanding of contemporary science" through an understanding of "the links between science as a human activity and the characteristics of the particular society that produced it," but without rejecting it as a "positive force for human good."

Doyal's discussion of imperialism and medicine is a case in point. While careful to give credit to those aspects of modern medicine which did in fact contribute to human progress and well being, she shows in great detail how British imperialism disrupted and destroyed the relatively healthy diet, family structure, physical health and economic stability of East African culture.

One of Doyal's more interesting contributions is her skillful demonstration of how medical science served the class interests of capital in keeping women in positions that met the needs of changing patterns

of industrialization and urbanization. Upper class women, for example, were enslaved by an ideology of fragility, invalidism and asexuality which kept them at home and inactive at a time when they were beginning to demand independence through birth control and education.

Working class women, on the other hand, were believed to be animalistically healthy and sexually avaricious. This medical myth served to ensure their ability to do hard labour at home or in factories, and to meet the growing demand for prostitutes which the split between home and workplace, brought about by industrialization, helped to create.

The book's major contribution, however, is in seeing how various aspects of capitalist oppression are linked. Having presented the issue of health from a cultural perspective, she draws a complex and compelling political conclusion.

"The demand for a healthier society is in itself a demand for a radically different socioeconomic order... It follows from this that the demand for health is in itself a revolutionary demand which must be taken seriously in the broader struggle for justice both in developed countries and the third world."

Even more importantly, Doyal demonstrates that an understanding of cultural and sexual politics is an invaluable asset in developing an understanding of the workings of capitalist economies.




SK/Science for the People/LNS

HOLLYWOOD EMPIRE STRIKES BACK

New Trends in U.S. Films

(Dipetik dari The Guardian)



In 1977, George Lucas *Star Wars* took filmgoers on an expensive, technologically innovative trip to "a galaxy far, far away." It was a trip from which movie viewers have never quite returned.

The special effects revolution is here to stay — with important aesthetic, political, technical and economic implications for popular culture.

Economically, the technologically bonanzas involve no end of behind-the-scenes investing, packaging, franchise-licensing, sequel-contracting and advertising. By 1980, for example, US\$300 million in *Star Wars* paraphernalia had been sold. A 10-sequel package had been planned, with the first, *The Empire Strikes Back*, bringing in US\$26 million in guarantees from U.S. exhibitors a full year before its opening.

The effectiveness of such campaigns is well tested. A widely panned film like *Superman I*, for example, was guaranteed big bucks no matter what the critics said. With an investment of US\$50-70 million, blitz stories in *Time* and *Newsweek*, 8 or 10 books generated by Warner Bros. and a host of junk — from hosiery to linen to underwear — the film itself was a minor factor in the project.

HIGHTECH IS HERE

Due to a combination of such technological and economic factors, by 1981 there was little on U.S. movie screens — at least nothing that stayed around for more than a week or so — except superheroes,

robots, dragons, flying lights and exploding forms and patterns of colour and texture.

One important factor in this turn of events is the change in the way movies are made and distributed. Today, economic aspects have all but swallowed cultural factors, leaving little room for those who cannot or will not tacitly accept the primacy of capital over all other issues.

The Hollywood of the 1940s, for example, produced about 700 feature films per year. By 1980, the figure had dropped to 200. Partly in response to the advent of television, fewer films are now made, and those produced must guarantee enormous profit. Thus only big-budget, highly saleable films ever make it. A film which doesn't make the top 10 goes down in history as a *flop*.

Nor are these 200 films produced in the same kind of studios which existed in the 1940s. Traditionally, Hollywood operated as a series of self-contained lots, each with its own staff of actors, directors, writers and technicians under contract to produce a given number of works each year. Stars worked with a staff with whom they grew and developed skills.

Today there is no such work environment. Instead there is the mystical *deal* in which hot shots meet to wheel and *deal* over salaries, percentages, billing, co-workers and packaging and distribution rights. They rent a studio, produce the film and part company.

The logic of this system demands infinite expansion and hype for each project. One shot *stars* rise, shine and fall in this celluloid galaxy before anyone learns to spell their names. And the *whiz kids* — those flashy technical sorcerers of special effects like George Lucas and Steven Spielberg — write their own tickets for wilder and wilder fantasies and fireworks.

POLITICAL IMPLICATIONS

For Lucas, Spielberg and their like, the challenge is not artistic but technical. They are not consciously reactionary; they are apolitical. They are too busy building models and developing "digital post-production systems."

Lucasfilm, for example, which produced the two *Star Wars* films, *THX1138*, *Close Encounters*, *Jaws*, *Raiders of the Lost Ark* and *1941*, is a sprawling complex. It includes Industrial Light and Magic Co. (ILM), Skywalker Ranch, and Sprocket Building and the Egg Company. Each is constructed for a specific task, from editing to special effects to sound mixing to computer research. According to the general manager of ILM, the 90 young "multi-talented, craft-oriented people" are not even filmmakers but rather "sculptors, machinists and rubber mouldmakers."

Lucas himself neither directs nor writes. "I hate plots; I hate scripts," he says. He only sometimes middle of production. To him filmmaking is like an expensive playhouse full

of neat toys. "The fun part," he says, "is coming up with the designs for the creatures and equipment."

Thus the phenomenon of 5-minute film credits listing categories such as *Dragon Assistants*, *Auxiliary Animation Technicians*, and of course *Production Accountants*.

But what does it add up to artistically, politically and culturally? After all, technology is not in and of itself bad. Nor are all these special effects films equally unredeemable in terms of social value.

There are progressive moments and potentially interesting social themes in several. The projection of the future cultural effects of imperialism in *Outland*, for example, is surprisingly radical in its implications.

For the most part, however, the trend is less hopeful. Taken as a whole, the economic, technical and cultural components add up to a serious setback for progressive culture and its creators.

The most profound ideological result of the special effects trend is, unintentionally, psychological. There is a sense of awe and wonder built into the fad. The viewer is literally *taken* on a visual and psychological roller-coaster of sights, sounds and emotional sensations which allow no thought or feeling beyond the most base sensations.

In the process, of course, technical expertise is developed which can be applied to military and consumer good uses. Thus, we have an infinitely mystified and self-perpetuating technological culture which drifts farther and farther from the grasp or control of those who pay for it.

Special effects films are now part — the cultural part — of the technological/economic/military complex. If you don't believe it, look at the plots of the films. There is, again, no inherent reason for special effects to be used

to create war films. Warfare, superheroism and hierarchical social structures are no more inherently fascinating than any other hypothetical setting which human beings create, using novel techniques to display so far unknown human capacities.

MILITARY METAPHORS

Yet in *Star Wars*, *The Empire Strikes Back* and *Clash of the Titans*, the subject is imperialist war fought by individualistic superheroes with the aid of *lower* creatures who help and are controlled by the heroes. So much for political activity and democratic institutions. All is physical strength and technical trickery — transparent metaphors for military power and weaponry.

Naturally, such subjects breed characters with stereotypically polarized traits — the weak and the strong; the enlightened and the slaves. The use of subhuman creatures and robots allows the filmmakers to build worlds based on race and class differences without ever saying so. Nor would the slaves dream of rebelling. They are not even human.

In *Raiders*, the racism is actually explicit. So is the rudeness with which the special effects heroes treat women. Sure Lois Lane, Princess Leia and Marion are tough, spunky, competent women. But so were the earlier movie heroines, (if we can remember past the sexually infantile 1950s) who were tough, smart and independent. But they were usually brought to heel. And, like these earlier stars, the new heroines all end by falling hopelessly in love with the heroes, who leave them broken-hearted when duty calls.

CULTURAL CONTRADICTIONS

To be sure, there are those who will find this *nit-picking* annoying. After all, they will say, it's only a movie meant to be enjoyed and

forgotten. To some, these films seem positively progressive in their stimulating effects on children's imaginations. Nor is this entirely wrong. Culture is generally complex and contradictory.

Having said that, the question remains: what are the political implications of this trend? And the answer is still discouraging. Culture is not, after all, enjoyed and forgotten. John Wayne and Marilyn Monroe live on to haunt us and retard our collective human growth. As for imaginative stimulation no matter how sophisticated the aesthetic argument, the question of content remains.

And what these tasteful technicians produce is glorification of pure power, expertise and visual effect for their own sake, without regard for human context.

The film are anti-intellectual in their simplistic, often contradictory and loose-ended plots. They are anti-human in their total disdain for emotional subtlety and personal relationships and problems, as well as their fascination with supernatural, magical and spiritual explanations for their technically produced *effects*. And they are, of course, anti-political generally, and anti-democratic specially in their fascination with power, warfare, superior beings and hierarchical class, sex and race relations.



Nor are they going to fade away like some quick-money fad, easily replaced by another. The economic structure of Hollywood today insures them long life. There is enough money in the bank and on paper right now to keep us *stunned* for years to come.

And the worst part is the message this trend sends to creative filmmakers with ideas for films about ordinary people in contemporary situations. The message comes straight from the heart of Hollywood: Don't call us, we'll call you.

Rasalah degup jantung rakyat, bacalah

NADI Insan

hanya
\$100



Keluaran Bulan Lepas:

DISEMBER/32

- Wawancara: Ustaz Nakhaie
- Bahaya Di Tempat Kerja
- Jepun - Malaysia: Serangan Kedua

NOVEMBER/31

- Wawancara: Latiff Mohidin
- Ekonomi Terbuka Terus Bergantung
- Perkembangan Sastera Di ASEAN

OKTOBER/30

- Wawancara: Kassim Ahmad
- Kebebasan Kita Terus Merosot
- Asia Tenggara Berpecah-belah

SEPTEMBER/29

- Wawancara: Rendra
- Kabinet Baru Mahathir
- KGB & Strategi Soviet Di ASEAN

OGOS/28

- Wawancara: Datuk Hassan Ahmad
- Biar Mati Anak?
- Mengapa Ku Li Kalah?

JULAI/27

- Wawancara: Gurmit Singh
- Alam Sekitar Terancam
- Pergolakan Afghanistan

JUN/26

- Wawancara: Tengku Razaleigh
- Ke Arah Mana Demokrasi?
- Pembangunan Pada Tahun 80an

MEI/25

- Wawancara: Lim Kit Siang
- RM4: Nikmat Untuk Siapa
- Ibn Khaldun: Perintis Sains Sosial

APRIL/24

- Wawancara: Pramodya
- Sabah: Pemerintahan Berjaya?
- ASN: Untuk Siapa?

MAC/23

- Wawancara: Adibah Amin
- Asia Tenggara & Kuasa-Kuasa Besar
- Masa Depan UMNO/BN Kecoh?

FEBRUARI/22

- Wawancara: Tan Sri Ahmad Nordin
- Kawasan Perdagangan Bebas
- ASEAN: Kerjasama Jenis Apa?

JANUARI/21

- Wawancara: Ismail Hussein
- Nasib Malang Pekerja Binaan
- Indonesia Terus Digadai

DISEMBER/20

- Wawancara: Chandra Muzaffar
- Sebalik Peristiwa Batu Pahat
- The Iraq-Iran War

NOVEMBER/19

- Boestamam: Dari KMM ke PSRM
- Amerika Syarikat Menyerap
- Peristiwa: Batu Caves & SEA Firebricks

OKTOBER/18

- Wawancara: Tan Chee Khoo
- Kesihatan Buruk: Masyarakat Sakit?
- Penawanan Masjid Haram

SEPTEMBER/17

- Mustapha Hussein: Dari KMM ke UMNO
- Mangsa Revolusi Hijau di Muda
- Palestin: Bangsa Tanpa Watan

OGOS/16

- Keris Mas & ASAS 50
- AKDN 1960: Selepas 20 Tahun
- Siapa Menggadaikan Kuala Lumpur?

JULAI/15

- Khir Johari
- Media Cetak Sedang Dicekek?
- Gaji Baru: Isi Lemak Kepada Siapa?

JUN/14

- Michael Chen: Down, But Not Out
- Perkampungan Baru Selepas 30 Tahun
- Kemerdekaan Zimbabwe

MEI/13

- V. David: Undang-Undang Buruh
- Keganasan Senyap Di Tempat Kerja
- Perjuangan Bangsa Moro

APRIL/12

- Syed Kechik, Harta Banyak, Cita Besar
- Revolusi Hijau & Penanam Padi
- Keganasan Di Timor Timur

MAC/11

- Khatijah Sidek: Julie Christie
- Nasib Wanita Masakini
- Kedudukan Buruh Bertambah Buruk

FEBRUARI/10

- Seni Khat: Wajah Nahle
- Perusahaan Awam: Pagar Makan Padi?
- Dalang Soviet Di Afghanistan

JANUARI/9

- Wawancara: Aziz Ishak
- Keadaan Buruk Di Bank Buruh
- Harta Shah & Pergolakan Di Iran

DISEMBER/8

- Wawancara: Anwar Ibrahim
- Belanjawan Negara '80
- Pelabuhan Kuantan

NOVEMBER/7

- Yasmin Yusof: Hassan Ibrahim
- Masalah: Pekebun Kecil; Perumahan
- Peristiwa: Baling, Sg. Udang, Lubok Kundang

OKTOBER/6

- S.M. Mohd. Idris: Dr. Burhanuddin
- Kanak-kanak: Nasib Generasi Depan
- Dasar Luar Negara China

SEPTEMBER/5

- Wawancara: Dr. Mahathir
- Setingan Di Kota
- Libya: Islam Dan/Atau Sosialis

OGOS/4

- Wawancara: Jins Shamsuddin
- Harga Minyak Meningkatkan: Siapa Untung?
- Perjuangan Di Sekatan Afrika

JULAI/3

- Wawancara: Usman Awang
- RM3: Siapa Untung, Siapa Rugi
- Tenaga Suria - Persaka Umum

JUN/2

- Wawancara: Ungku Aziz
- Pergolakan Di Indo China
- Awas! Bahaya Di Tempat Kerja

MEI/1

- Wawancara: Tunku Abdul Rahman
- 13 Mei 1969
- Iran Selepas Shah

